

"DAN hendaklah di antara kamu satu golongan yang mengajak kepada kebaikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang mungkar (keji). Dan adapun mereka yang bersifat demikian itu ialah orang-orang yang berjaya".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 104.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14 Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 135 | 11 NOVEMBER 2023 / 27 ربيع الآخر 1445 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

BERKENAN MENERIMA MENGADAP YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman yang mengadakan lawatan ke negara ini selama tiga hari.
 - Foto : Masri Osman (Lihat muka 3 hingga 4)

Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Raja Kemboja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Raja Kemboja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni dan

Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet, kerajaan dan rakyat Kemboja bersempena dengan Hari Kemerdekaan yang Ke-70 negara tersebut.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



TERUS komited sokong pertumbuhan penapisan, industri petrokimia Muka 10



504 terima Sijil Taraf Kerakyatan Muka 12



YDC Carnival (B-Chilling) meriahkan Uptown Gadong minggu ini Muka 18



RENCANA
 PENTINGNYA kesedaran kesihatan lelaki Muka 27

NBD, Timor-Leste : Pupuk kerjasama erat

Terjemahan oleh :
Hajah Musmariani Haji Mohammad

Assalamualaikum
Wahamatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA sangat sukacita mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama Presiden dan delegasi dalam Lawatan Negara pertama Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam. Republik Demokratik Timor-Leste telah lama menjadi rakan Negara Brunei Darussalam dan kita telah bekerjasama dalam pelbagai kapasiti pada kerajaan beberapa kali pada masa lalu.

Tahun 2002 adalah sangat penting untuk kedua-dua negara kerana kita telah menjalin hubungan diplomatik dan menyambut kedatangan TYT ke Negara Brunei Darussalam sebagai Guest of the Chair pada 35th ASEAN Ministerial Meeting.

Sepanjang dua dekad yang lalu, kita secara konsisten memupuk hubungan yang mesra dan baik, termasuk mewujudkan misi di kedua-dua buah ibu negara.

Sejarah akan terus mengingati komitmen dan dedikasi TYT yang tidak berbelah bahagi dalam menerajui Timor-Leste ke arah kemerdekaan sepenuhnya pada tahun 2002.

Pencapaian bersejarah ini diikuti dengan

pelaksanaan dasar-dasar yang mantap untuk merealisasikan wawasan Timor-Leste untuk menjadi sebuah negara yang kukuh dan makmur.

Beta mengucapkan tahniah kepada TYT Presiden atas semua pencapaian serta kerajaan dan rakyat Timor-Leste akan terus mencapai kejayaan.

Negara Brunei Darussalam dan Timor-Leste terus memupuk kerjasama erat dalam bidang pendidikan dan pertukaran antara rakyat dan rakyat.

Rakyat kita telah menjalin kerjasama yang erat melalui pelbagai pertukaran teknikal dan program pembinaan kapasiti.

Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam dengan sukacita menawarkan dua biasiswa yang dibiayai sepenuhnya setiap tahun untuk tiga tahun akan datang bagi para pelajar Timor-Leste melanjutkan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Beta juga mengalu-alukan minat negara TYT untuk meneruskan kerjasama dalam bidang kesihatan, termasuk melalui latihan untuk para profesional perubatan.

Di samping itu, beta juga mengalu-alukan peluang untuk mengukuhkan kerjasama dalam Sektor Tenaga.

Sebagai negara pengeluar minyak, banyak yang boleh dipelajari daripada pengalaman masing-masing untuk memaksimumkan faedah sumber alam kita.

Tambahan pula, harapan bersama untuk pembangunan dan pertumbuhan kedua-dua buah negara telah membawa kepada penandatanganan MoU mengenai buruh hari ini.

Beta percaya ia akan mewujudkan banyak peluang baharu yang saling menguntungkan rakyat kita dan sektor swasta kedua-dua



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara sempena Lawatan Negara Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta pada Isnin, 6 November 2023 di Istana Nurul Iman.

buah negara.

Negara Brunei Darussalam secara konsisten menyokong Timor-Leste untuk menjadi anggota ASEAN yang secara rasmi diumumkan pada tahun 2011. Komitmen

Negara Brunei Darussalam tetap teguh dan hari ini, Beta ingin mengulangi sokongan tidak berbelah bagi Negara Brunei Darussalam terhadap keanggotaan Timor-Leste dalam ASEAN. >> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER	HARI	RABIULAKHIR	IMSAR	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
11	SABTU	27	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
12	AHAD	28	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
13	ISNIN	29	4.37	4.47	6.07	6.31	12.05	3.27	6.02	7.14
14	SELASA	30	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	RABU	1	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	KHAMIS	2	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
17	JUMAAT	3	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan 32 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 
Pekan Bangar 32 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 
Pekan Tutong 32 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 
Kuala Belait 32 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 

Wallahuallam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 11 NOVEMBER 2023

Jangan kongsi jika tidak pasti!

PENGUNAAN media sosial kini menjadi satu keperluan kepada masyarakat hari ini. Tidak mengira latar belakang dan peringkat umur, penggunaan media sosial menjadi kewajipan kepada semua bagi memperoleh maklumat dan berita semasa dengan pantas.

Lebih-lebih lagi apabila semua urusan pada hari ini dilakukan secara dalam talian tanpa bertemu secara bersemuka. Fenomena maklumat di hujung jari semakin luas berkembang sehingga terlalu banyak maklumat yang dikongsi tanpa melihat kepada status sama ada ia benar atau palsu.

Adakalanya apabila mendapat mesej di telefon pintar yang mengandungi video, grafik, audio atau bentuk penulisan yang menjadi isu terkini, sesetengah individu tanpa berfikir panjang atau beremosi terus berkongsi melalui laman sosial.

Satu perkara yang jarang kita lakukan adalah untuk menilai maklumat itu sama ada ia benar atau sebaliknya atau maklumat yang disebarkan tersebut akan membuat pihak tertentu tersinggung atau menyebabkan kegusaran awam atau penyalahgunaan kemudahan rangkaian telekomunikasi.

Sepertimana yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat minggu ini, jenayah fitnah semakin mudah disebarkan melalui hujung jari sahaja pada zaman yang serba canggih ini.

Ia boleh dilakukan melalui teknologi maklumat seperti internet yang mampu menyebarkan apa juga maklumat dengan sekelip mata.

Kemudahan tersebut disalahgunakan bagi mengancam ataupun menjatuhkan seseorang mahupun sesebuah organisasi. Perkara ini boleh mengganggu-gugat keharmonian dan keamanan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan juga bernegara.

Dalam hal ini, kecanggihan teknologi maklumat tidak dapat disalahkan sepenuhnya tetapi diri manusia yang harus dipertanggungjawabkan. Setiap manusia diciptakan dengan akal fikiran untuk menilai perkara yang baik dan juga yang buruk.

Orang ramai diingatkan agar sentiasa berhati-hati dan menjaga diri daripada perbuatan menabur fitnah. Sentiasalah kita mengamalkan *tabayyun* ataupun budaya semak sebelum sebar kerana dikhuatiri informasi, berita dan maklumat yang dikongsikan itu adalah palsu dan tidak benar.

Orang ramai juga perlu mempunyai kesedaran tinggi bahawa perkongsian berita atau maklumat palsu bukan sahaja boleh menjejaskan reputasi individu atau pihak tertentu malah boleh memberi kesan kepada ekonomi, keselamatan dan keamanan negara.

Buat kajian terlebih dahulu jika perkongsian melibatkan rantaian maklumat dan pastikan kesahihannya supaya jangan disebarkan maklumat tidak benar. Ini kerana bahan-bahan berbentuk spekulasi, tuduhan dan penghinaan juga boleh memberi impak dan kesan besar kepada negara.

Sebagai umat Islam, kita juga bertanggungjawab untuk membasmi dan membanteras segala bentuk fitnah yang boleh membawa perpecahan dan kerosakan sekali gus membawa kepada kelemahan dan kehancuran umat Islam. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan mengalu-alukan ketibaan Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam dan isteri yang mengadakan lawatan ke negara ini selama tiga hari (atas dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran

Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd

Rustam dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman yang mengadakan lawatan ke negara ini selama tiga

hari.

Selesai Majlis Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berangkat bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka dan isteri bagi menghadiri Majlis Santap Tengah Hari.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman (kiri).



TURUT berangkat ke majlis tersebut, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd. Ali dan isteri serta ahli kerabat diraja menadah tangan ketika doa dibacakan.

>> Muka 3

Berangkat sama ke majlis-majlis tersebut ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Majlis Santap Tengah Hari dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia

(Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis-majlis tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bersalaman bersama dengan Yang di-Pertua Negeri Melaka.




KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan melambai tangan mengucapkan selamat jalan kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka (atas). Manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, turut berangkat ke Majlis Santap tersebut, ahli-ahli kerabat diraja. Sementara gambar bawah tengah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa membacakan Doa Selamat.

BERTUKAR-TUKAR PANDANGAN, KEMBANGKAN KERJASAMA DUA HALA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua Perdagangan dan Perindustrian, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng (atas dan atas kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua Perdagangan dan Perindustrian, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama

Dr. Tan See Leng. Semasa Majlis Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng telah menekankan kepentingan dalam meningkatkan hubungan erat antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang kian lama sudah dijalin.

Ke arah ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang

Terutama telah bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha dalam mengembangkan lagi kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, termasuk dalam bidang ekonomi, pelaburan, perdagangan serta pembinaan kapasiti.

Turut hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd.

Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

DPMM berkenan menerima mengadap



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua Perdagangan dan Perindustrian, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama

Semasa Majlis Mengadap yang berlangsung di Qashr Al-Meezaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama telah menekankan kepentingan hubungan erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dan seterusnya membincangkan mengenai peningkatan kerjasama dua

hala di antara kedua-dua buah negara, termasuk dalam bidang ekonomi, pelaburan, perdagangan serta pembangunan kapasiti.

Turut hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua Perdagangan dan Perindustrian, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng (kiri dan kiri sekali).

Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

DYTM PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MATEEN BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menerima mengadap Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua Perdagangan dan Perindustrian, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng (kiri dan kiri sekali).

JERUDONG, Rabu, 8 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah berkenan menerima mengadap Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua Perdagangan dan Perindustrian, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tan See Leng.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay; dan Timbalan Setiausaha Tetap, (Perdagangan dan Industri),

Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Festival Keluarga Harmoni : Satukan, eratkan hubungan kekeluargaan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Festival Keluarga Harmoni bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Negara Brunei Darussalam Kali Ke-11 dan dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 November. - Festival Keluarga Harmoni bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Negara Brunei Darussalam Kali Ke-11 berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga Ahad, 12 November 2023 bertempat di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Taman Mahkota Jubli Emas.

Acara adalah anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan

Bandaran Bandar Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan YSHHB.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran Festival berkenaan diadakan petang tadi dan berkenan berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul

Bolkiah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku Penasihat Bersama dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK 2023 dan isteri.

Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

Majlis kemudian menjunjung

Yang Teramat Mulia bagi merasmikan pelancaran Festival Keluarga Harmoni di Centre Stage, Kompleks YSHHB.

Selesai acara perasmian, YTM kemudian dijunjung berangkat melawat ke 'One Stop Family Hub' dan berkenan menyaksikan pameran.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM seterusnya dijunjung berangkat untuk menyaksikan persembahan daripada Makan Ceria Sdn. Bhd. di Centre Stage dan meneruskan lawatan ke Open Plaza Kompleks YSHHB bagi menyaksikan aktiviti riadah keluarga, pameran info keluarga dan aktiviti keusahawanan.

Turut hadir pada majlis pelancaran berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, para pegawai kanan kerajaan dan rakan-rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berserta ahli keluarga masing-masing.

Tujuan utama Festival Keluarga Harmoni berkenaan diadakan adalah untuk menyatukan, menyantunkan dan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dengan penuh rasa kasih sayang, tanggungjawab serta memupuk rasa hormat-menghormati dan juga pemedulian dalam diri setiap keluarga.

PRESIDEN REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE TAMATKAN LAWATAN NEGARA



PRESIDEN Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta diiringi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pemangku Menteri Pendidikan dan Menteri Pengiring (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, turut hadir bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Tuan Yang Terutama ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto: Hamzah Mohidin

BERAKAS, Rabu, 8 November. - Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini setelah menamatkan Lawatan Negara selama empat hari.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) untuk mengucapkan selamat berlepas ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pemangku Menteri Pendidikan dan Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Gutterres; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Semasa Lawatan Negara berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menerima mengadap TYT Dr. José Ramos-Horta serta rombongan.

Ini termasuklah Majlis Sambutan Rasmi Negara; Majlis Perjumpaan Empat Mata; Majlis Perjumpaan Dua Hala; Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman; dan Majlis Santap Negara yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Lawatan Negara berkenaan merupakan lawatan pertama bagi TYT ke NBD sejak diangkat sumpah menjadi Presiden Republik Demokratik Timor-Leste.

Hubungan diplomatik di antara NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste telah dijalin pada 20 Mei 2002, dengan kerjasama dua hala adalah tertumpu kepada bidang pendidikan dan latihan, serta perkhidmatan udara.



PRESIDEN Republik Demokratik Timor-Leste, TYT Dr. José Ramos-Horta berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini setelah menamatkan Lawatan Negara selama empat hari.

BKISHHB terima kunjungan Yang di-Pertua Negeri Melaka

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 November. - Semenjak perasmian pada 12 Oktober 2019, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) sering menjadi tumpuan lawatan pengunjung termasuk para pembesar dan tetamu dari dalam dan luar negara.

Sehubungan dengan itu, pegawai dan kakitangan BKISHHB

pagi tadi menerima kunjungan daripada Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam; dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman, yang mengadakan lawatan ke negara ini selama tiga hari.

Hadir mengalu-alukan ketibaan

PEMANGKU Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) menyerahkan cenderamata kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai kenangan.

rombongan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; dan Pemangku Pengarah BKISHHB, Haji Muhammad Ibrahim bin Haji Juma'at.

Acara dimulakan dengan lawatan ke Galeri Pameran BKISHHB dan diakhiri dengan menandatangani lembaran kenangan.

Antara bahan pameran yang

KUNJUNGAN daripada Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman ke BKISHHB.



menarik dalam sembilan galeri pameran berkenaan termasuk koleksi-koleksi mushaf pelbagai bentuk dan ukuran, rambut mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Seterusnya, cebisan burdah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta replika kesan tapak kaki, pedang-pedang dan tongkat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, koleksi pelbagai manuskrip Islam, peralatan

Astronomi Islam, tongkat, tasbih, fosil dan banyak lagi.

Galeri-galeri pameran di BKISHHB dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari kecuali Jumaat.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah.





YANG di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam semasa mengadakan lawatan di Muzium Alat Kebesaran Diraja (atas dan kanan).

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Muzium Alat Kebesaran Diraja sering menjadi tumpuan lawatan pengunjung termasuk pembesar-pembesar dan tetamu-tetamu dari dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, pegawai dan kakitangan muzium menerima kunjungan daripada Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam; dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman, yang mengadakan lawatan ke

negara ini selama tiga hari.

Hadir mengalu-alukan ketibaan rombongan ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Muzium Alat Kebesaran Diraja dirasmikan pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena Majlis Sambutan Jubli

Muzium Alat Kebesaran Diraja terima lawatan YDP Negeri Melaka



Perak 25 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Di muzium berkenaan terdapat empat buah galeri pameran iaitu

Galeri Alat-alat Kebesaran Diraja dalam Istiadat Perpuspaan; Galeri Pameran Diraja; Galeri Pameran Jubli Perak; dan Galeri Pameran Jubli Emas : Lima Dekad di atas Takhta Kerajaan.

Reka bentuk muzium ini

menggabungkan ciri-ciri konsep Melayu Islam Beraja dengan mempamerkan Alat-alat Kebesaran dan Perhiasan Diraja Negara Brunei Darussalam dan telah menjadi salah satu mercu tanda di Bandar Seri Begawan.

SUMBANGAN, JASA BAKTI WARGA KHEU DIHARGAI



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Sebagai tanda penghargaan atas perkhidmatan dan jasa baik yang telah dicurahkan oleh pegawai dan kakitangannya, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Peringkat KHEU sempena Sambutan HPA Kali Ke-30 Tahun 2023 bertempat di Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, Jalan Residency, di sini.

Pada majlis itu, seramai 102 pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2022 telah diraikan di atas sumbangan mereka sepanjang berkhidmat untuk KHEU.

Turut diraikan pada majlis tersebut ialah pegawai dan kakitangan KHEU yang menerima anugerah-anugerah sempena Sambutan HPA, iaitu Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) bagi Tahun 2022 dan 2023; Anugerah Kakitangan

Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB2PA) bagi tahun 2022 dan 2023; dan Anugerah Inovasi Perdana (AIP) sempena HPA Kali Ke-30.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan dan penghargaan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Dalam ucapannya, Awang Haji Mohammad Rosli antara lain mengetengahkan, seramai lapan orang menerima APCPA, dua penerima AKB2PA, dan empat kumpulan penerima hadiah saguhati bagi AIP bagi tahun 2023.

Bagi penerima Sijil Penghargaan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Peringkat KHEU sempena Sambutan HPA Kali Ke-30 Tahun 2023 bertempat di Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, Jalan Residency (atas dan atas kiri).

Perkhidmatan, beliau melahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas jasa khidmat bakti, pengorbanan, buah fikiran dan penat jerih yang dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya di KHEU dan mendoakan semoga ibadah pekerjaan dan amal jariah semua akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa mendapat keredhaan-Nya.

"Syabas dan setinggi tahniah juga diucapkan kepada penerima APCPA dan AKB2PA serta peserta-peserta AIP.

"Semoga anugerah yang

diberikan akan menjadi penyuntik semangat dan motivasi untuk menjalankan tugas yang diamanahkan dengan lebih cemerlang, terus membuat inovasi dan seterusnya akan dapat terus menyumbang bakti yang dapat dirasakan kepada negara dan menjadi contoh ikutan yang terbaik kepada seluruh warga KHEU dan warga Perkhidmatan Awam yang lain," ujarnya.

Beliau yakin bahawa usaha penambahbaikan dan inovasi yang dibuat akan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh warga KHEU dalam usaha Kementerian mempernaikan secara berterusan mempernaikan dan mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan-

perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai.

Beliau juga berharap Kementerian akan terus melakar usaha-usaha seumpamanya secara berterusan dengan juga melewati arus pembangunan digital demi mencapai visi dan misi KHEU ke arah Wawasan Brunei 2035, dengan sentiasa berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian Sijil Bersara kepada mantan pegawai dan kakitangan KHEU yang diraikan, dan Sijil Penghargaan kepada para penerima Anugerah sempena HPA Kali Ke-29 dan 30 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

6 QARI, 6 QARIAH BERSAING PERINGKAT AKHIR

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Seramai lima qari dan lima qariah daripada 54 peserta yang bertanding pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi terpilih dan akan bertanding pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M bersama-sama dengan johan menunggu qari dan qariah.

Johan menunggu qari, iaitu Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; dan johan menunggu qariah, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri akan bertanding pada peringkat akhir kebangsaan nanti dan menjadikan semuanya seramai enam qari dan enam qariah.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan berkenaan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula 6 hingga 8 November 2023 dan telah memperdengarkan seramai 54 peserta yang terdiri daripada 43 qari dan 11 qariah.

Pengumuman keputusan musabaqah berkenaan disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyampaikan hadiah dan cenderamata pada para peserta (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Pengerusi Jemaah Hakim, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M.

Majlis yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas berkenaan dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada para peserta dan hakim musabaqah.

Para peserta qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi terdiri daripada Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya, Haji Awang Muhd Fikri bin Haji Awang Metussin, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, Awang Haji Mohammad bin Ali dan Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Sementara peserta qariah terdiri daripada Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marzuki, Dr. Hajah Siti Wardah binti Mejari (B) Haji Abd. Rahman, Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid, Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat dan Dayang Nur Amal Atiqah @ Aida binti Haji Sudirman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohamad Adham bin Hashim diikuti dengan ucapan



alu-aluan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor selaku Pengerusi Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan nasyid oleh mahasiswa Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah diikuti dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada wakil peserta qari dan qariah yang terpilih ke Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir

Kebangsaan.

Musabaqah berkenaan dihasratkan agar dapat memberikan pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara ini dalam meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran mereka, di samping membuka minda dan minat masyarakat untuk berjinak-jinak dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.



PJSC terima pentauliahian plak 'Green Mark'



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah PJSC hadir pada pentauliahian plak 'Green Mark' daripada Bandtree Sdn. Bhd., yang diadakan di Bangunan PJSC (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyaksikan pameran.

hari ini menerima pentauliahian plak 'Green Mark' daripada Bandtree Sdn. Bhd., yang diadakan di Bangunan PJSC, di sini.

Pentauliahian plak berkenaan dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Lembaga Pengarah PJSC; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bandtree Sdn. Bhd.; dan Ketua Pegawai Eksekutif Bandtree Sdn. Bhd., Awang Muhd Syukri Nur bin Haji Mohd Jais.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Bandtree Sdn. Bhd. dalam ucapannya antara lain



menekankan ia merupakan pencapaian penting bagi Bandtree Sdn. Bhd. untuk menyediakan amalan perniagaan yang mampan dalam melindungi alam semula jadi dan memulihara sumber semula jadi.

Selain itu tambahnya, ia juga

untuk mengurangkan jejak karbon dan membantu mengurangkan kesan negatif perubahan iklim.

Pensijilan 'Green Mark' platinum dicapai oleh Bandtree Sdn. Bhd. untuk Bangunan PJSC melalui Massutera Engineering Sdn. Bhd. (MESB).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

JERUDONG, Jumaat, 10 November. - Tanda Hijau atau 'Green Mark' merupakan sistem penarafan yang direka untuk menilai kesan dan prestasi persekitaran bangunan.

Penarafan 'Green Mark' juga

dinilai mengikut cara sesebuah pertubuhan berkenaan dalam mengurangkan penggunaan tenaga, air dan sumber bahan bagi menjimatkan kos dan meminimumkan kesan alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre-PJSC)

TERUS KOMITED SOKONG PERTUMBUHAN PENAPISAN, INDUSTRI PETROKIMIA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa berucap pada majlis berkenaan.

JERUDONG, Rabu, 8 November. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited untuk menyokong pertumbuhan penapisan dan industri petrokimia, dengan aspirasinya untuk meningkatkan daya saing dalam pasaran.

Ini termasuk terus bekerjasama

dalam membina keupayaan untuk pertumbuhan mampan sambil bersama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat iklim negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kemajuan Pulau Muara Besar (PMB) menekankan demikian pada Penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan bagi Projek Kemajuan PMB Fasa Kedua, dengan pihak Syarikat Hengyi yang berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kilang penapisan dan kompleks petrokimia Hengyi, sejak penubuhannya, telah menyampaikan secara konsisten operasi dan keselamatan dengan kecemerlangan, sambil mengekalkan piawaian dan keperluan kebangsaan.

Yang Berhormat seterusnya percaya, Hengyi Industri komited untuk menggunakan tahap tinggi yang sama daripada piawaian dan ikrar untuk keselamatan, semasa berkesan dan tepat pada masanya

pelaksanaan dan operasi bagi fasa kedua.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan, Hengyi Industri menjadi rakan kongsi utama Negara Brunei Darussalam ke arah mempelbagaikan lagi sektor ekonomi negara melalui hiliran minyak dan gas, membawa lebih dekat untuk merealisasikan aspirasi Rangka Tindakan Ekonomi untuk Brunei Darussalam - Matlamat 3 Visi Brunei 2035, 'Ke Arah Ekonomi Dinamik dan Mampan'.

Bahkan, projek Fasa 2 Hengyi Industri dan Kompleks Petrokimia jelasnya, akan membolehkan Negara Brunei Darussalam untuk memperkenalkan sumber bahan mentah baharu seperti Gas Asli Cecair (LNG) dan Ethane ke Negara Brunei Darussalam, yang penting untuk pengeluaran nilai tinggi pertama negara.

Sejak pentauliahannya pada tahun 2019, Hengyi Industri katanya, berperanan dalam memperkukuh keselamatan tenaga Negara Brunei Darussalam, dan memacu pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam dan secara langsung menyumbang lebih daripada

Oleh : Nooratiini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BND4.5 bilion kepada KDNK negara sehingga tahun 2022, dan kini memegang bahagian penting kira-kira 9.4 peratus daripada jumlah keseluruhan negara KDNK.

Hengyi Industries juga tambahannya, menyumbang sekitar 55 peratus daripada jumlah eksport negara pada tahun 2022.

"Dengan tambahan nilai tinggi pengeluaran petrokimia yang dirancang untuk fasa kedua, iaitu sumbangan kepada Negara Brunei Darussalam insyaaAllah akan bertambah lagi," ujar Yang Berhormat.

Projek Fasa 2 terangnya, dijangka akan membuka jalan untuk *spin-off* daripada yang baharu sektor petrokimia, terutamanya untuk pelaburan langsung asing, sebagai serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Pada masa yang sama menurutnya lagi, apabila fasa kedua beroperasi, ia dijangka akan meningkatkan tenaga kerja Hengyi Industri kepada lebih daripada dua kali ganda, iaitu 50 peratus daripada peluang pekerjaan yang

baharu diperuntukkan untuk rakyat tempatan Brunei, malah Hengyi Industries berterusan menyokong dalam usaha kerajaan ke arah peningkatan Brunei Bruneian-nisation.

Oleh itu, komitmen teguh Hengyi Industri ke arah kemajuan keupayaan dan bakat tempatan muda sepanjang tahun tegasnya, terbukti melalui kerjasama yang erat yang diwujudkan dengan pihak atasan institusi tempatan dan bilangan biasiswa yang tinggi yang telah dianugerahkan kepada pelajar tempatan, serta bilangan pengambilan pekerja tempatan di bawah program pelajar tersebut.

Dalam pada itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ingin merakamkan penghargaan kepada Syarikat Hengyi Industri Sendirian Berhad, khususnya di bawah pimpinan Pengerusi Qiu (Chu), atas komitmen yang tidak berbelah bahagi dan keyakinan beliau terhadap Negara Brunei Darussalam melalui pelaburan baharu ini.

Memacu pembangunan Sektor Petrokimia



HADIR selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran; Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB dan Pengerusi Zhejiang Hengyi Group Co. Ltd dan Pengerusi Syarikat Hengyi, Mr. Qiu Jianlin.

JERUDONG, Rabu, 8 November. - Pihak Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) hari ini menandatangani Perjanjian Pelaksanaan bagi Projek Kemajuan Pulau Muara Besar (PMB) Fasa Kedua, bersama pihak Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Syarikat Hengyi).

Penandatanganan tersebut diadakan petang tadi di The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB; dan Menteri di JPM dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB dan Pengerusi Zhejiang Hengyi Group Co. Ltd dan Pengerusi Syarikat Hengyi, Mr. Qiu Jianlin.

Penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan Fasa Kedua ini merupakan satu pencapaian penting dalam usaha-usaha dan komitmen berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memperkembangkan Sektor Hiliran Minyak dan Gas di negara ini ke arah mendukung dan merealisasikan Wawasan Brunei

2035 dan Economic Blueprint NBD.

Ia juga menandakan kerjasama erat di antara NBD dan Republik Rakyat China untuk mempelbagaikan ekonomi negara ini terutama sekali dalam memacu pembangunan sektor petrokimia, menjana peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung untuk anak-anak tempatan, mengadakan peluang-peluang perniagaan bagi syarikat-syarikat perkhidmatan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana tempatan, serta berperanan sebagai pemangkin bagi pembangunan Sektor Hiliran Minyak dan Gas, iaitu salah satu daripada lima sektor keutamaan di dalam Economic Blueprint NBD.

Setelah loji penapis minyak dan petrokimia di PMB yang bernilai USD3.45 bilion mula beroperasi pada tahun 2019, Syarikat Hengyi

menerusi penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan Fasa Kedua tersebut akan meningkatkan kapasiti penapisannya sebanyak 2 juta Tan Metrik setahun membawa jumlah keseluruhan kepada sebanyak 11 juta Tan Metrik setahun, melalui pembangunan fasiliti-fasiliti baharu di PMB.

Projek Fasa Kedua itu akan mengintegrasikan lagi kemudahan penapisan yang sedia ada dengan fasiliti petrokimia yang baharu, termasuk pengenalan sumber bahan mentah (*feedstock*) yang baharu seperti LNG dan Ethane.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB semasa majlis itu dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan bahawa fasa kedua tersebut akan membolehkan NBD mengeluarkan *high value derivate petrochemicals* yang pertama di negara ini dan meletakkan kedudukan PMB sebagai asas bagi pembangunan hiliran berasaskan minyak dan menarik pelaburan-pelaburan asing, sekali gus memartabatkan NBD sebagai pesaing utama di dalam Sektor Petrokimia serantau.

Dengan pelaksanaan projek Fasa Kedua berkenaan, ia tambahannya, dijangka akan menjana lebih dari 2,000 peluang pekerjaan dan 50 peratus daripada peluang pekerjaan akan diperuntukkan bagi anak tempatan dari permulaan fasa operasi menjelang tahun 2029.

Mewakili pihak Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam bagi penandatanganan perjanjian pelaksanaan berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib; dan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir.

Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria.

Manakala, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BEDB, Awang Daniel Leong menandatangani bagi pihak BEDB, dan Syarikat Hengyi pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mr. Chen Lian Cai.

Penandatanganan perjanjian tersebut turut disaksikan oleh Pemangku Pengarah Urusan, Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Kula bin Haji Metasan; Penolong Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Awang Abdurrahman bin Abdul Aziz dan Setiausaha Syarikat dan Pengarah Pentadbiran, Syarikat Hengyi, Mr. Li Peng.

Penandatanganan Perjanjian Pelaksanaan Fasa Kedua tersebut diselenggarakan dengan menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Zhejiang University. UBD diwakili oleh Dekan Fakulti Teknologi Bersepadu, Dr. Juliana binti Haji Zaini dan Dekan Kolej Kejuruteraan Kimia dan Biologi, Profesor Youqing Shen, mewakili Zhejiang University.

Penandatanganan MoU tersebut turut disaksikan oleh Naib Canselor UBD dan Pengerusi Majlis Zhejiang University.

MoU tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan dalam menyediakan program biasiswa untuk terus memperluaskan anak-anak tempatan dengan kemahiran tertentu melalui pendedahan industri di Republik Rakyat China, diikuti dengan latihan penempatan industri dan seterusnya berkhidmat di Syarikat Hengyi di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB.

JPMC MEMPERINGATI 25 TAHUN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Memperingati 25 Tahun Menyediakan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan melalui Sambutan Social Day (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, Yang Berhormat berucap pada majlis berkenaan.



JERUDONG, Khamis, 9 November. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) mengadakan Majlis Memperingati 25 Tahun Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan melalui Sambutan Social Day yang diadakan di Dewan Royal Berkshire, Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Dalam ucapan alu-aluan Yang Berhormat Menteri Kesihatan,

beliau menyatakan bahawa dengan meraikan kejayaan berkenaan, JPMC akan sentiasa komited kepada misi untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang luar biasa dan memupuk persekitaran yang menyokong dan menyembuhkan.

"Kami berjanji untuk terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan perubahan landskap perubatan, sambil kekal fokus kepada keperluan individu setiap pelanggan yang kami layani," ujar Yang Berhormat.

Majlis diteruskan lagi dengan acara memotong kek bersempena

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dengan memperingati 25 tahun perkhidmatan JPMC.

JPMC menjadi mercu tanda penjagaan kesihatan, berkhidmat kepada negara dengan dedikasi dan perkhidmatan perubatan peringkat atasan.

Sepanjang 25 tahun yang lalu, JPMC terus berkembang, berinovasi dan menetapkan tanda aras dalam industri penjagaan kesihatan.

Pentauliah semula 4th Joint Commission International (JCI) Gold Seal of Approval baru-baru ini

mengukuhkan lagi peranannya sebagai simbol terkemuka penjagaan kesihatan berkualiti di Negara Brunei Darussalam dan di peringkat global.

Dedikasi yang tidak berbelah bahagi JPMC terhadap keselamatan pesakit, penjagaan berkualiti dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa kekal sebagai sumber kebanggaan bagi kedua-dua organisasi dan individu yang berkhidmat, menetapkan laluan yang menjanjikan untuk masa depan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berucap pada majlis tersebut.

BERAKAS, Rabu, 8 November. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BIBD berkata, peralihan kedua Kumpulan BIBD adalah ketika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan penggabungan antara Bank Islam Brunei (IBB) dengan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) dan menghasilkan penubuhan Kumpulan BIBD seperti yang wujud pada hari ini.

"Keputusan untuk beralih sepenuhnya kepada operasi bank konvensional kepada menjadi Bank Islam. Transformasi penting ini menandakan anjakan besar pertama yang membentuk semula trajektori laluan Kumpulan BIBD," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa Majlis Pelancaran Olive Digital Innovation Conference 2023, yang

Transformasi, inovasi digital perbankan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

berlangsung di Plenary Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kedua-dua perubahan penting ini telah membawa perubahan yang mendalam cara beroperasi dan melibatkan diri dengan pelanggan di seluruh Kumpulan BIBD.

Dalam transformasi pertama jelas Yang Berhormat semua produk dan perkhidmatan kewangan telah menjalani penukaran untuk memenuhi kaedah patuh syariah, secara asasnya mengubah rangka kerja operasi bank.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa peralihan kedua yang menggabungkan kepakaran, sumber dan kekuatan daripada kedua-dua institusi dapat memudahkan pembentukan pasukan pengurusan baharu, hala tuju strategik baharu dan penyepaduan lancar produk, perkhidmatan dan sistem Islam daripada kedua-dua IBB dan IDBB.

Kedua-dua perubahan ketara dalam sejarah Kumpulan BIBD jelasnya memberikan manfaat yang ketara kepada para pemegang saham, pekerja, pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain.

Yang Berhormat menjelaskan lagi bahawa komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi telah memacu kejayaan dan dengan sepenuh hati mengiktiraf sumbangan mereka yang tidak ternilai.

"Sekarang meletakkan pandangan kita dengan teguh pada masa depan dan sambil kita menerima inovasi digital, marilah kita meluaskan sedikit masa untuk

merenungkan kuasa luar biasa yang dimilikinya, bukan sahaja untuk Kumpulan BIBD, tetapi untuk negara.

"Inovasi berfungsi sebagai penggerak di sebalik kemajuan dan telah dikenal pasti sebagai salah satu pemboleh utama untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya matlamat yang ketiga, iaitu untuk menghasilkan Ekonomi Dinamik dan Mampan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, Olive akan mengubah model perniagaan bank. Dalam ekosistem Olive, Kumpulan BIBD boleh menyelaraskan operasinya, meningkatkan kecekapan dan menyampaikan pengalaman pelanggan yang lancar dengan pemenuhan masa nyata produk dan perkhidmatan patuh syariah, di mana perbankan bersempena akan menjadi pilihan.

Transformasi ini dilakukan oleh teknologi baharu seperti eKYC, tandatangan digital, kecerdasan buatan dan rantai blok.

"Projek Olive mempunyai tumpuan yang kuat untuk memudahkan dan menyelaraskan pembayaran rentas sempadan, menawarkan penyelesaian yang cekap dan selamat kepada pelanggan kami. Penyepaduan dengan National Payment Gateway (NDPX) dan enjin OlivePay kami meningkatkan kecekapan kos, menggalakkan penggunaan e-Wang dan mempromosikan penyelesaian e-Dompet yang berkuasa.

"Ini akan membolehkan pelanggan korporat mendaftarkan sebagai peniaga dengan mudah dan menerima pembayaran digital



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Majlis Pelancaran Olive Digital Innovation Conference 2023.

melalui sistem pembayaran Kod QR mereka sendiri," jelas Yang Berhormat.

Persidangan Inovasi Digital Olive atau DigiCon 2023 yang julung kali diadakan dianjurkan oleh Kumpulan BIBD adalah sebahagian penting dalam transformasi digital Kumpulan BIBD bagi mengembangkan dan menetapkan untuk masa depan di mana peneraju industri, orang ramai dan global masyarakat boleh meneroka dan memahami landskap Revolusi Perindustrian Ke-4 yang sedang berkembang dan Bank 4.0.

DigiCon 2023, diadakan sempena Ulang Tahun BIBD Ke-30, keterangkuman yang dicontohkan dan mempamerkan peluang yang timbul daripada teknologi transformatif ini, menggariskan ketabahan Kumpulan BIBD komitmen terhadap inovasi dalam sektor kewangan.

Persidangan tersebut dihadiri oleh lebih 900 perwakilan dan ia menjadi platform untuk perbincangan mendalam tentang bagaimana kemajuan digital Bank 4.0 bersilang dengan topik kritikal dalam perbankan sektor, khususnya dalam bidang keselamatan siber dan perlindungan data.

Acara seterusnya ialah pelancaran rasmi Project Olive Journal oleh Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Timbalan Pengarah Urusan, Ketua Perbankan Runcit dan Ketua Pegawai Penerangan BIBD, Awang Irwan bin Lamit. Jurnal ini menyelidiki aspek penting perbankan digital dan keserasiannya dengan prinsip kewangan Islam, menyediakan sumber yang berharga untuk industri ini.

504 terima Sijil Taraf Kerakyatan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang
Abdul Hamid

JERUDONG, Khamis, 9 November. - Seramai 504 pemohon diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-39, bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, di sini.



PEMANGKU Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pemangku Menteri Pendidikan.

Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya menjelaskan penerima-penerima pada petang ini adalah terdiri dari mereka yang memohon taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15 iaitu di bawah Bab 5(1) dan 8(1) Ujian Bahasa Melayu secara tulis dan lisan, Bab 6(1) iaitu terdiri daripada anak-anak kepada Ibu Warganegara Brunei, anak-anak kepada ayah warganegara Brunei dan anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei dan juga di bawah Bab 5(6) terdiri daripada isteri-isteri kepada suami warganegara Brunei Darussalam.

Terdahulu, beliau mengongsikan bahawa pada tahun ini, JIPK telah dapat mengendalikan dan mengukuhkan sebanyak tiga Majlis Penyampaian Sijil Kerakyatan sebelum ini yang telah diadakan pada bulan Februari, Mei

dan Julai yang lepas dan kali ke empatnya pada petang ini iaitu Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-39.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya menerangkan, sebagai rakyat yang bernaung dan hidup bermasyarakat di bumi Darussalam ini, kita hendaklah sentiasa mengukuhkan tekad untuk menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan berbakti kepada raja, agama, bangsa dan negara khususnya dalam sama-sama berganding bahu untuk melibatkan diri dalam apa jua aktiviti kemasyarakatan sama ada di peringkat negara, kampung atau mukim.

"Perpaduan dalam hidup bermasyarakat dapat dipupuk melalui penduduk mukim dan kampung yang lazim mengamalkan sikap saling menghormati, bekerjasama, bantu membantu dan tidak *camah* mata dalam memeduli kesejahteraan rakyat dan penduduk masing-masing.

"Sebagai rakyat, kita perlulah sama-sama berganding bahu tanggungjawab dalam melaksanakan masing-masing bagi memelihara kesejahteraan, keamanan dan ketenteraman negara, tanpa mengira kedudukan, latar belakang, bangsa dan agama.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pemangku Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan kepada penerima.

Ini adalah untuk memastikan keamanan yang dinikmati selama ini dapat dikekalkan melalui perpaduan, saling hormat menghormati, bertoleransi di kalangan masyarakat, serta berpegang teguh kepada falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB)," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Sijil Taraf Kerakyatan dan seterusnya

berharap para penerima dapat menghargai kurnia berkenaan dan berpegang teguh kepada ikrar kesetiaan demi raja, negara dan bangsa.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dari KHEDN serta pegawai-pegawai dan kakitangan JIPK.

MEMANTAPKAN EKOSISTEM PENDIDIKAN SECARA HOLISTIK



YANG Berhormat Menteri Pendidikan berucap pada persidangan tersebut (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan bergambar ramai pada Persidangan Agung UNESCO Kali Ke-42 di Ibu Pejabat UNESCO, Paris, Republik Perancis.

pemerhati, organisasi antara kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Tujuan persidangan ini diadakan adalah untuk membincangkan dan menilai dasar-dasar, aktiviti, dan bajet organisasi, serta pemilihan ahli bagi Lembaga Eksekutif.

Selain itu, Persidangan Agung ini juga mengadakan Perdebatan Dasar Umum (General Policy Debate), di mana Ketua Delegasi dari setiap negara ahli diberi peluang untuk menyampaikan kenyataan kebangsaan mengenai komitmen dan perkembangan dalam menyokong Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations' 2030 Agenda for Sustainable Development), khususnya dalam bidang pendidikan, sains, dan budaya.

Dalam segmen tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) tetap komited dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4 dengan menyediakan pendidikan



berkualiti dan holistik untuk semua, sebagaimana yang dipaparkan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027 yang mempunyai tiga objektif utama, iaitu mengejar tenaga kerja yang bersedia untuk masa depan; meningkatkan ekosistem pendidikan yang inovatif; dan membangunkan sumber manusia.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut menghadiri Segmen Peringkat Tinggi dan Dialog Menteri Peringkat Tinggi mengenai Pendidikan untuk Keamanan yang dianjurkan

sebagai acara sampingan semasa Persidangan Agung.

Pada tahun ini, UNESCO juga menganjurkan Forum Belia UNESCO Kali Ke-13 yang bermula pada 14 hingga 15 November 2023 dengan memberikan peluang kepada para belia untuk terlibat dalam perbincangan, serta berkongsi cadangan dan penyelesaian mengenai kesan sosial perubahan iklim.

NBD diwakili oleh Awangku Muhammad Adam bin Pengiran Haji Ahmad, pelajar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Turut mengiringi Yang Berhormat Menteri Pendidikan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Perancis dan Perwakilan NBD ke UNESCO, Puan Yang Terutama Datin Paduka Hajah Rakhiah binti Haji Abd Lamit@Hamid; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) sebagai Setiausaha Agung bagi Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam bagi UNESCO, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar NBD di Paris dan Kementerian Pendidikan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

PARIS, Khamis, 9 November. - Persidangan Agung UNESCO Kali Ke-42 sedang berlangsung pada ketika ini yang bermula pada 7 hingga 22 November 2023 di Ibu Pejabat UNESCO, Paris, Republik Perancis.

Hadir ke persidangan tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam untuk Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Persidangan Agung tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil dari 194 Negara Ahli serta Ahli Bersekutu, bersama-sama dengan

MAJLIS MEMBACA YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA 10 TAHUN MRSB



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) semasa hadir pada Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahlil bersempena 10 Tahun Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar (atas kanan). Manakala gambar atas kiri, turut hadir, Penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong; dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar, malam tadi mengadakan Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahlil bersempena 10 Tahun MRSB di masjid tersebut.

Dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid (AJKTM) berkenaan, Majlis

Membaca Yaa Siin dan Tahlil adalah dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji

'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah serta AJKTM dan jemaah MRSB yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, yang diimamkan oleh Imam MRSB, Awang Mohd. Helmy bin Haji Jamil.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Tsuufiy bin Haji Abdul Wahab, manakala Tahlil dibacakan oleh Imam MRSB, Awang Muhammad Farhanuddin bin Haji Hassan.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, Penaung Bersama masjid berkenaan, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong; dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin serta jemaah MRSB, Kampung Sungai Akar.

Pameran Seni serlah kelestarian marin



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam dalam ucapannya.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



ANTARA yang hadir menyaksikan Pameran Seni berkenaan.

seni kontemporari Amerika dan menonjolkan peranan lautan dalam budaya dan kelestarian alam sekitar.

Dalam ucapan alu-aluannya, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland menekankan bagaimana AS dan NBD berkongsi kepentingan bersama dalam pemeliharaan maritim.

"Kedua-dua negara telah ditakrifkan oleh akses laut dan kita sama-sama memahami kepentingan pelayaran laut terbuka kepada kemakmuran ekonomi kita.

Selain itu, kita juga berkongsi komitmen untuk memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang," ujarnya.

Karya seni yang dipamerkan itu menunjukkan tema umum air dan pesisiran pantai.

Beberapa karya terkenal juga turut dipamerkan termasuk 'Gyre' hasil karya Julie Kornblum, yang diperbuat daripada sisa plastik yang ditemui di pantai, dan 'Into Water' oleh Crystal Worl.

Yang terakhir adalah kerjasama antara Art in Embassies (AIE)



dengan Institute of American Indian Arts, yang menonjolkan kepelbagaian dan daya hidup seni kontemporari asli Amerika.

AIE merupakan program Jabatan Negara AS (U.S. Department of State) yang mewujudkan dialog antara budaya yang penting dan memupuk persefahaman bersama melalui seni visual dan pertukaran

artis dinamik.

Di samping itu, AIE juga membangunkan dan membentangkan kira-kira 60 pameran setiap tahun dan telah memasang lebih daripada 70 koleksi pameran seni kekal di lebih daripada 200 kemudahan diplomatik Jabatan pada 189 negara.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa satu berita maka selidikilah kebenarannya (kerana dikhawatiri) kamu akan menimpakan kepada suatu kaum (perkara yang tidak diingini) dengan sebab kejahatan kamu sehingga menyebabkan kamu menjadi orang yang menyesal atas apa yang kamu telah lakukan".

Ayat ini bertepatan dengan realiti pada masa kini. Kita melihat betapa mudahnya tersebar berita-berita dan khabar-khabar yang tidak diketahui kesahihannya. Sebagai seorang Muslim yang beriman dengan Allah dan Rasul-Nya, kita mengakui bahawa budaya memfitnah bukanlah daripada akhlak Islam dan nilai-nilai yang baik.

Dalam agama kita, menabur fitnah itu adalah perbuatan yang haram, tercela dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Sesungguhnya fitnah adalah tuduhan, khabar, kisah dan seumpamanya, yang diadakan atau dibuat-buat untuk

Fitnah di hujung jari

memburukkan seseorang. Di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman di dalam Surah An-Nur, ayat 19 berkaitan balasan bagi orang yang suka membuat fitnah.

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang suka menyebarkan perbuatan keji (tuduhan palsu) dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang pedih di dunia (dengan pelaksanaan hukum had) dan di akhirat (dengan api Neraka). Dan Allah mengetahui (perkara yang sebenarnya) sedangkan kamu tidak mengetahui".

Pada zaman yang serba canggih ini, jenayah fitnah semakin mudah disebarkan melalui hujung jari sahaja. Ia boleh dilakukan melalui teknologi maklumat seperti internet yang mampu menyebarkan apa jua maklumat dengan sekelip mata tanpa dapat dibendung.

Kemudahan ini telah disalahgunakan bagi mengancam ataupun menjatuhkan seseorang mahupun sesebuah organisasi. Perkara ini boleh mengganggu-gugat keharmonian dan keamanan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan juga bernegara.

Dalam hal ini, kecanggihan teknologi maklumat tidak dapat disalahkan sepenuhnya tetapi diri manusia yang harus dipertanggungjawabkan. Setiap manusia diciptakan dengan akal fikiran yang dapat menilai perkara yang baik dan juga yang buruk. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Araf, ayat 179 yang tafsirnya : "Dan demi sesungguhnya Kami jadikan untuk isi Neraka Jahanam kebanyakannya daripada jin dan manusia. Mereka mempunyai hati (tetapi) mereka tidak menggunakan untuk memahami dengannya (ayat-ayat keterangan Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) mereka tidak menggunakan untuk melihat dengan (bukti-bukti kekuasaan Allah) dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka menggunakan untuk mendengar dengannya (ajaran dan petunjuk Allah). Mereka itu seperti binatang ternakan bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang yang lalai".

Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada perbuatan menabur fitnah. Sentiasalah kita mengamalkan *tabayyun* ataupun budaya semak sebelum sebar kerana dikhawatiri informasi, berita dan maklumat yang

dikongsikan itu adalah palsu dan tidak benar. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya seorang hamba mengucapkan perkataan tetapi difikirkan terlebih dahulu dan kerannya dia terjatuh ke dalam Neraka sejauh antara Timur dan Barat". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Imam Al-Ghazali Rahimullah dalam Kitabnya Ihya Ulumuddin menyebutkan enam perkara yang patut dipegang oleh seseorang untuk menghadapi fitnah tersebut, iaitu :

Pertama : Jangan membenarkan cakapnya kerana orang yang membawa fitnah adalah fasik (jahat) dan orang yang fasik tidak diterima untuk menjadi saksi.

Perlu diketahui bahawa maksud fasik itu menurut Imam Al-Ghazali dalam Kitab Mukasyafatul Qulub adalah orang yang berbuat derhaka, melanggar janji serta keluar dari jalan hidayah, rahmat dan ampunan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua : Cegahlah ia daripada berbuat fitnah itu dan menasihatinya agar tidak mengulangi lagi.

Ketiga : Hendaklah dia marah kepada si pembawa fitnah itu kerana Allah Subhanahu Wata'ala, sebab orang itu amat dibenci oleh Allah, sedangkan membenci apa yang dibenci Allah adalah wajib hukumnya.

Keempat : Jangan menyimpan prasangka buruk terhadap orang yang difitnah itu.

Kelima : Jangan mengintip dan mengintai untuk mencari maklumat tambahan apa yang diberitakan kepadanya.

Keenam : Jangan turut serta memfitnah dan jangan menceritakan kepada orang yang difitnah yang seseorang telah memfitnahnya begini dan begitu kerana ia akan turut sama menjadi pemfitnah dan pengumut.

Oleh yang demikian, sekiranya datang berita yang baik daripada orang-orang yang berkata benar maka terimalah sebagai peringatan yang baik, tetapi jika datang berita yang tidak baik daripada orang yang jahat akhlaknya, hendaklah kita berhati-hati dengan percakapannya, malah sekiranya berunsurkan fitnah maka halanglah dia daripada terus menyebarkan berita tersebut. Ingatlah, bahawa menjauhi jenayah fitnah adalah menjadi tanggungjawab bersama sesama

masyarakat kerana fitnah itu lebih besar bahayanya, dosanya dan akibatnya daripada membunuh.

Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada perbuatan menabur fitnah. Ini kerana bahaya fitnah itu bukan sahaja menyebabkan kita mendapat dosa besar malah mengakibatkan kita tidak akan dapat memasuki Syurga Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Huzaifah bin Al-Yaman Radiallahuanhu bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Penabur fitnah tidak akan masuk Syurga". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Perlu diketahui bahawa perbuatan menabur fitnah itu mengundang kepada perpecahan dan perbalahan. Seperti menjadi punca kepada timbulnya salah faham, pertengkaran dan perselisihan sehingga menyebabkan hubungan adik-beradik menjadi renggang, suami isteri bercerai-berai, keluarga bermasalah, rakan bermusuhan, masyarakat kucar-kacir dan seumpamanya.

Memandangkan perbuatan menabur fitnah itu menjurus kepada keburukan, perpecahan dan perbalahan khususnya kepada masyarakat, marilah kita mentarbiah diri kita, keluarga kita dan masyarakat dengan saling menasihati dan tegur-menegur terhadap perbuatan yang membawa kepada dosa dan maksiat apatah lagi yang membawa kepada dosa-dosa besar seperti membuat dan menabur fitnah. Tanamkanlah dalam diri kita sikap berhati-hati agar kita tidak terjebak dalam bencana bahaya fitnah.

Gunakanlah akal fikiran yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan wajar dan sebaik-baiknya. Marilah kita sama-sama muhasabah diri pada sisa usia yang masih ada ini, agar kita dapat berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala melindungi kita daripada melakukan perbuatan yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang zalim antara kamu secara khususnya (tetapi akan menimpa kamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksanya". (Surah Al-Anfal, ayat 25)

Pembarigaan Maqasid Syariah diteruskan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TAKLIMAT disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar (kiri). Sementara gambar kanan, antara penghulu mukim dan ketua kampung yang menghadiri taklimat yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar pengukuhan Maqasid Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran disebarluaskan ke seluruh lapisan

masyarakat di negara ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan inisiatif pembarigaan 'Pengukuhan Maqasid Syariah Dalam Pengurusan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam' kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Brunei dan Muara.

Seramai 97 orang terdiri daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menghadiri taklimat yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Taklimat disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar dan taklimat tersebut diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kefahaman mengenai prinsip Maqasid Syariah.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengetarakan dan mengukuhkan pelaksanaan prinsip Maqasid Syariah dalam



sistem pengurusan dan pentadbiran organisasi, di samping memupuk kesedaran dan penghayatan prinsip Maqasid Syariah dalam kehidupan beragama, beraja dan bernegara ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan sosial serta kestabilan negara.

Pembarigaan 'Pengukuhan Maqasid Syariah Dalam Pengurusan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam' merupakan kesinambungan pelaksanaan Projek Strategik KHEU yang digariskan dalam Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020 - 2024.



Fitnah di Hujung Jari

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada
26 Rabiulakhir 1445H/10 November 2023M

Imam Ghazali Rahimahullah dalam kitabnya “Ihya Ulumuddin” menyebutkan enam perkara yang patut dipegang oleh seseorang untuk menghadapi fitnah, iaitu:

- 1 Jangan membenarkan cakapnya, kerana orang yang membawa fitnah adalah Fasiq (jahat) tidak diterima untuk menjadi saksi
- 2 Cegahlah ia dari berbuat fitnah dan menasihatnya agar tidak mengulangi lagi
- 3 Hendaklah dia marah kepada si pembawa fitnah itu kerana Allah SWT
- 4 Jangan menyimpan prasangka buruk terhadap orang yang difitnah
- 5 Jangan mengintip/mengintai untuk mencari maklumat tambahan apa yang diceritakan kepadanya
- 6 Jangan turut serta memfitnah dan jangan menceritakan kepada orang yang difitnah yang seseorang telah memfitnahnya

Apa yang boleh kita buat? 🤔

- ✓ Sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada perbuatan menabur fitnah
- ✓ Sentiasa mengamalkan Tabayyun (budaya semak sebelum sebar)
- ✓ Jika datang berita yang baik dari orang-orang yang berkata benar:
Terima sebagai peringatan yang baik
- ✓ Tetapi jika datang berita baik dari orang yang jahat akhlaknya:
 - Berhati-hati dengan percakapannya
 - Sekiranya berunsur fitnah, halanglah dari terus menyebarkan berita tersebut

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam



Typing....



دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقْضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

YDC CARNIVAL (B-CHILLING) MERIAHKAN UPTOWN GADONG MINGGU INI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Jumaat, 10 November. - Pusat Pembangunan Belia (YDC) Carnival (B-Chilling) 2023 yang disertai sebanyak 30 vendor memeriahkan Uptown Gadong, Jalan Pasar Gadong pada malam hujung minggu selama tiga hari bermula malam tadi.

Majlis Pelancaran YDC Carnival (B-Chilling) 2023 disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Adapun para vendor yang menyertai karnival berkenaan terdiri daripada para pelatih Program Pembangunan Belia Sesi 2023, Alumni Usahawan PPB dan selebihnya penyertaan vendor luar iaitu para pengusaha tempatan yang sangat mendukung karnival ini.

Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman dalam ucapan alu-aluannya

menyatakan bahawa pelaksanaan Karnival Keusahawanan kali ini adalah dihasratkan sebagai salah satu inisiatif ke arah mendukung ekosistem keusahawanan di Negara Brunei Darussalam melalui penyediaan platform keusahawanan seumpama ini melalui penyertaan daripada golongan dan pengusaha belia yang dilihat semakin berkembang dan terbuka untuk turut serta dalam apa jua program dan aktiviti keusahawanan yang telah disediakan bukan sahaja oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui PPB bahkan agensi-agensi lain sama-sama sektor kerajaan mahupun swasta di negara ini.

"Peramba / saya melihat ia adalah merupakan sebuah transformasi positif daripada dalam kalangan para belia kerana mereka sudah mula menormalisasikan

bidang keusahawanan sebagai salah satu sumber usaha yang dapat menjana pendapatan sekali gus membantu negara dalam meningkatkan sumber ekonomi melalui aktiviti-aktiviti keusahawanan seumpama ini," katanya.

Sejurus perasmian, Yang Berhormat berkesempatan melawat petak-petak jualan dan berinteraksi bersama para peserta vendor.

Orang ramai dipersilakan hadir untuk berkunjung ke YDC Carnival (B-Chilling) 2023 sehingga Ahad, 12 November 2023 yang beroperasi dari jam 5.00 petang sehingga 10.00 malam yang sememangnya menyajikan pelbagai juadah makanan dan minuman serta beberapa permainan untuk kanak-kanak bagi mengisi malam hujung minggu bersama keluarga.

Adapun Karnival Keusahawanan ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh PPB yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran (*marketability*) serta keboleherjaan (*employability*) lepasan pelatih PPB di samping menyokong kebolehcapaian (*accessibility*) kepada pembangunan Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana (SME) di Negara Brunei Darussalam.

Objektif karnival antara lain untuk memberi peluang kepada para pelatih PPB untuk belajar berniaga dan bersikap mandiri dalam menjana pendapatan melalui perniagaan; dan memperkenalkan kepada orang ramai produk-produk serta perkhidmatan hasil daripada pelatih dan Alumni Usahawan PPB.



MAJLIS Pelancaran YDC Carnival (B-Chilling) 2023 disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan bawah kiri).

Karnival yang merupakan projek tahunan ini telah melibatkan para pelatih dari Program Pembangunan Belia khasnya dalam memupuk minat mereka untuk menjana pendapatan secara mandiri dengan kemahiran yang sudah dipelajari.

Bagi memastikan para pelatih dapat menjayakan karnival ini, terlebih dahulu mereka mengikuti Kelas Asas Keusahawanan yang merupakan modul teras bagi semua pelatih yang belajar di pusat ini.

Antara pengisian modul teras keusahawanan adalah membentuk idea perniagaan serta pelan tindakan, mempelajari asas Perakaunan dan seterusnya mengatur strategi pemasaran produk serta perkhidmatan yang berimpak tinggi.

Di samping itu, karnival ini telah menyasarkan penglibatan alumni usahawan dalam kalangan peserta Program Komuniti serta Program YDC Light's On iaitu sebuah program keusahawanan yang dilaksanakan oleh PPB bagi Alumni

Usahawan PPB yang sudah mempunyai dan menjalankan perniagaan sendiri dan mahu meningkatkan serta mengembangkan lagi rangkaian usahawan tempatan di negara ini.

Di sepanjang karnival, terdapat jualan makanan dan minuman, pameran produk serta perkhidmatan daripada pelatih PPB, permainan karnival mini, demonstrasi tradisional dan Lucky Dip untuk kunjungan orang awam.

Dengan adanya karnival sebegini, pihak PPB berharap agar para pelatih yang bakal tamat latihan kemahiran di PPB dapat menjadikan platform atau wadah seperti YDC Carnival (B-Chilling) 2023 untuk mendapatkan pengalaman serta sumber pendapatan melalui bidang keusahawanan.

Manakala Alumni Usahawan PPB untuk menggunakan platform sebegini bagi mempromosi produk-produk yang mereka hasilkan termasuk peluang *business-matching* bersama orang awam.

Terokai pensejajaran aktiviti kerjasama



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi ASEAN COSTI tahun ini menghadiri Mesyuarat ASEAN-U.S. Consultation on Science and Technology Ke -11 (AUSCST-11) pada 30 Oktober 2023 di Washington D.C., Amerika Syarikat (kiri). Manakala gambar kanan, delegasi dari Ahli-ahli Negara ASEAN membuat Lawatan Kerja ke Ladang Chesapeake.

AMERIKA SYARIKAT, Rabu, 8 November. - Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi ASEAN COSTI tahun ini telah menghadiri Mesyuarat ASEAN-U.S. Consultation on Science and Technology Ke-11 (AUSCST-11) pada 30 Oktober 2023 di Washington D.C., Amerika Syarikat.

Mesyuarat AUSCST-11 ini dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Timbalan Penolong Setiausaha bagi Hal Ehwal Sains, Teknologi dan Angkasa, Biro Hal Ehwal Lautan, Alam Sekitar dan Saintifik (OES), Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Rahima

Kandahari.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengerusi Kebangsaan COSTI Ahli-ahli Negara ASEAN dan juga wakil-wakil daripada agensi dan kedutaan Ahli-ahli Negara ASEAN.

Semasa Mesyuarat AUSCST-11, Awang Haji Mohammad Nazri dalam ucapannya menekankan kepentingan penglibatan aktif dan perbincangan terbuka dalam kalangan Ahli-ahli Negara ASEAN dan menyatakan bahawa Amerika Syarikat telah menjadi rakan kongsi yang tidak ternilai dalam memajukan sains, teknologi dan inovasi di Rantau ASEAN.

Inisiatif bersama seperti Underwriters Laboratories (UL) - ASEAN-U.S. Science Prize for Women, Women in STEM Webinar Series, AI Guideline dan Policy Brief:

Strengthening ASEAN Women's Participation in STEM telah memberikan kesan yang bermanfaat bagi Ahli-ahli Negara ASEAN.

Dengan sokongan dari Amerika Syarikat ini telah membentuk landskap sains dan teknologi dengan lebih ketara dan mengukuhkan usaha kerjasama untuk memberi manfaat bukan sahaja kepada rantau ASEAN tetapi juga komuniti global.

Antara lain perkara-perkara yang telah dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah mengenai perkembangan dasar sains, teknologi dan inovasi terkini dan pengemaskinian dasar ASEAN dan Amerika Syarikat, dalam meneroka pensejajaran aktiviti kerjasama dan juga peluang kerjasama masa depan terkini.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Turut dibincangkan, mengenai cabaran dalam pembinaan industri yang pesat serta perkongsian dalam menangani isu-isu tersebut secara kolektif dan sejajar dengan Pelan Tindakan ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (APASTI) 2026-2035 yang sedang dalam pembangunan.

Pada hari kedua selepas Persidangan AUSCST-11, delegasi dari Ahli-ahli Negara ASEAN telah membuat Lawatan Kerja ke Ladang Chesapeake untuk membuat pemerhatian dan menerokai inisiatif kemampunan dan kimia hijau Syarikat Corteva Agriscience termasuk U.S. EPA Reduced Risk Pesticide Program dan Penyuntingan Gene dengan

teknologi CRISPR-Cas9.

Acara sampingan pada hari terakhir telah dihoskan oleh U.S. ASEAN Business Council (US-ABC). Antara lain perkara-perkara yang diketengahkan ialah Tinjauan Genomik dan Sesi Pelaburan dan juga sesi Artificial Intelligence (AI) Roundtable di mana semua Ahli-ahli Negara ASEAN mengongsikan perkembangan AI di negara masing-masing dan juga meneroka peluang kerjasama dengan US-ABC dalam Pembangunan AI.

Acara diakhiri dengan Makan Malam Gala yang diadakan di The Army & Navy Club, Washington D.C.



KETENGAHKAN BAKAT PELAJAR DALAM AKTIVITI KESENIAN, KEBUDAYAAN



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Festival Juara-juara Aktiviti Kesenian bagi Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2023 (atas), manakala gambar bawah, antara yang membuat persembahan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. — Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK) petang tadi mengadakan Festival Juara-juara Aktiviti Kesenian bagi Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2023 yang berlangsung di Atrium Concourse, Aras Bawah, The Mall Gadong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras),



Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Festival dimulakan dengan tujuh persembahan daripada juara-juara pertandingan, iaitu Pertandingan Tarian Brunei Asli Bagi Sekolah-sekolah Menengah Senegara Tahun 2023; Pertandingan Menambang Syair Bagi Sekolah-sekolah Menengah Senegara Tahun 2023; Pertandingan Gulintangan Bagi Sekolah-sekolah Menengah Senegara Tahun 2023; Pertandingan Koir Lagu Kanak-kanak Brunei Bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2023; Pertandingan Tarian Etnik Brunei Bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2023; Pertandingan Kata-kata Pantang Larang Orang Tua-tua Bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2023; dan Pertandingan Bermukun Bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2023.

PUISI

Di dalamnya

Di dalamnya,
Satu ruang yang sempit dan penuh cahaya
Harus mengerti dan percaya
Jangan membawa apa-apa makna
Selain hanya cerita luar biasa
Biarpun sebesar mana cita-cita.

Kerana,
Cita-cita tidak terlaksana
Jika tidak ada usaha yang berharga
Kerana segalanya itu memberi makna
Memberi rasa yang berbeda
Dari segala apa yang ada.

Semuanya itu adalah kemahuan,
Cita-cita masih dalam kesunyian
Untuk membakar segala ruangan
Supaya lebih jelas dan kelihatan.

Tapi,
Segalanya itu berusaha keras
Bukan keras kerana panas
Harus beri laluan tiada terbatas
Tuju supaya sampai ke atas
Bakar semangat supaya tuntas
Segalanya itu untuk masa depan yang jelas.

Adi Asma
Beribi Gadong

Festival berkenaan juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada juara-juara pertandingan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Festival berkenaan diadakan sebagai penghargaan dan sekali gus untuk meraikan para pemenang yang terdiri daripada para pelajar sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab senegara yang memenangi pertandingan - pertandingan berbentuk kesenian dan kebudayaan anjuran Bahagian Kesenian dan Kreativiti, JPK, Kementerian Pendidikan sepanjang tahun 2023.

Antara tujuan festival berkenaan diadakan adalah untuk memperlihatkan bakat dan kemahiran para pelajar dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan kepada orang ramai.

Di samping itu, ia juga diharap akan dapat memperkenalkan kesenian dan kebudayaan Brunei kepada generasi masa kini sambil mendorong para pelajar untuk mempelajari dan mengenal identiti kebruneian melalui kesenian dan kebudayaan Brunei yang seharusnya dipusakai turun-temurun oleh orang-orang Brunei dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja.



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima penarafan lima bintang (cemerlang) dan penghargaan berdasarkan sistem penilaian Quacquarelli Symmonds (QS) Stars Ratings.

UNISSA terima penarafan 5 bintang

REKTOR UNISSA hadir bagi menerima penganugerahan tersebut.

Pengiktirafan tersebut telah diterima dalam Majlis Penganugerahan QS Stars yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia, baru-baru ini.

Hadir bagi menerima penganugerahan tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir dalam acara tersebut ialah Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, Dr. Muhamad Alif bin Haji Sismat dan Ketua Unit Pengiktirafan dan Pengkorporatan, Dr. Zulamali bin Begawan Pehin Khatib Haji Matassan.

Dalam penyertaan buat

julung kalinya, UNISSA telah berjaya mendapat lima bintang dalam lima daripada lapan kategori, iaitu Pengajaran, Kebolepasaran, Pengantarabangsaan, Pembangunan Akademik dan Prasarana.

Manakala, dalam kategori Tanggungjawab Sosial dan Keterangkuman, UNISSA mendapat empat bintang.

Rektor UNISSA menyatakan, sebagai sebuah universiti berteraskan Islam yang masih muda, penarafan tersebut merupakan satu pencapaian yang membanggakan kerana ia telah meletakkan UNISSA setaraf dengan universiti terkemuka antarabangsa yang turut mendapat penarafan lima bintang seperti Universiti Putra Malaysia, University of Jordan, King Saud University, Coventry University dan

Lancaster Universiti

Menurutnya lagi, penarafan tiga tahun ini juga diharapkan menjadi satu dorongan bagi seluruh warga UNISSA untuk terus berkembang maju dan meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang di arena antarabangsa, khususnya dalam memacu pembangunan ummah seagat.

Anugerah QS Stars tersebut merupakan sebahagian daripada QS Higher Ed Summit : Asia Pacific 2023 anjuran QS yang diadakan di Pusat Persidangan Kuala Lumpur, Malaysia, selama tiga hari bermula 7 hingga 9 November 2023.

Sidang kemuncak dengan tema 'Creating the Right Outcomes : Universities and the Future of Work in the Asia Pacific' tersebut telah membincangkan pelbagai isu semasa dan amalan terbaik dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan jaringan industri.

Meningkatkan keupayaan, kesiapsiagaan hadapi kejadian bencana



Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil (kiri). Manakala gambar atas, antara penuntut yang menyertai Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah (SBDRM).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah (SBDRM) dengan kerjasama pihak Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan ahli-ahli jawatankuasa daripada pihak NDMC, sebagai satu program berterusan pusat berkenaan.

Program berkenaan diadakan selama tiga hari bermula pada 7 hingga 9 November 2023 bertempat di Bilik Conference / Lecture Room Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), Daerah Brunei dan Muara.

Seramai 61 penuntut dan guru mengikuti Program SBDRM berkenaan yang terdiri daripada penuntut Pembimbing Rakan Sebaya Tahun 9 hingga Tahun 11 dari Maktab SOAS, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Menengah Mengliat, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Sekolah Menengah Masin, Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Sekolah Menengah Awang Semaun dan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri.

Sepanjang program berkenaan, para penuntut dan guru berpeluang

untuk mengetahui akan fungsi dan peranan NDMC di samping meningkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan mereka dalam mengenal risiko dan membuat tindakan yang betul dan selamat serta bersedia sedia dalam menghadapi sebarang kejadian bencana. Tambahan lagi, para penuntut berpeluang mengikuti latihan berkumpulan seperti aktiviti 'Do's and Don'ts' sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana, 'Nature Power, Grab Bag, Hazard Visit' dan Membentuk Pelan Tindakan Menghadapi Bencana di sekolah untuk kesiapsiagaan warga sekolah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan

Penyampaian Sijil, Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) di KHEDN, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Beliau juga turut menyampaikan sijil penyertaan dan penghargaan kepada para penuntut dan fasilitator yang terlibat dalam melaksanakan Program SBDRM pada tahun ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pengarah NDMC, Pengetua Maktab SOAS, wakil Pegawai Daerah Brunei dan Muara, wakil Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan serta para pegawai dan kakitangan NDMC dan pihak

sekolah.

NDMC akan sentiasa menjalin hubungan kerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dalam menangani kejadian bencana di negara ini, yang bertujuan untuk mencapai hasrat ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan dalam menghadapi apa juga cabaran bencana yang berkemungkinan berlaku.

Dengan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh semasa menyertai Program SBDRM berkenaan, adalah diharapkan ia akan menjadi sebagai panduan bagi mengurangkan impak bencana ke atas kehidupan seharian masyarakat di negara ini termasuk warga sekolah.

12 LAGI PESERTA PERDENGARKAN BACAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah /2024 Masihi kelolaan Kementerian

Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi hari ini bagi hari ketiga.

Musabaqah diadakan di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC),



ANTARA qari dan qariah yang memperdengarkan bacaan (kiri dan kanan).

Berakas.

Seramai 12 peserta, iaitu 10 qari dan dua qariah memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari ketiga Musabaqah.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445H/2024M yang telah bermula sejak 6 November 2023 lalu berakhir hari ini.

Manakala Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata akan diadakan pada Khamis, 9 November 2023, mulai 7.45 malam di Dewan Muzakarah, ICC, Berakas.

Orang ramai bolehlah



PENGARAH Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad hadir selaku tetamu khas pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

menyaksikan siaran langsung Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat

Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi melalui Facebook Page rasmi KHEU.

Dikenakan denda kompaun kendali perkhidmatan tanpa lesen

Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 November. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengeluarkan satu denda kompaun kepada perniagaan tempatan di Berakas berjumlah BND700 bagi pengendalian beberapa *walkie-talkie* jalur pelbagai frekuensi tanpa Lesen Operasi (Operating Licence-OL) yang sah.

Notis amaran juga turut dikeluarkan kerana melanggar Seksyen 9 dalam Perintah Telekomunikasi 2001, kerana *walkie-talkie* jalur pelbagai frekuensi yang digunakan bukan jenis yang diluluskan untuk beroperasi di Negara Brunei Darussalam.

Kesalahan seperti berkenaan boleh dihukum di bawah Seksyen 35 (1) Perintah Telekomunikasi,

2001, dan mana-mana orang yang didapati bersalah atas pelanggaran berkenaan boleh dikenakan denda kompaun sehingga BND1,000 bagi setiap kesalahan.

Sehubungan dengan itu, AITI ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa sistem atau perkhidmatan tidak berlesen boleh menyebabkan gangguan kepada infrastruktur kritikal dan perkhidmatan penting, yang boleh mengganggu operasi agensi kerajaan, penyedia

perkhidmatan tempatan, institusi pendidikan dan perniagaan yang bergantung kepada telekomunikasi.

Orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan kelulusan AITI sebelum memasang sebarang sistem telekomunikasi, menyediakan sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau mengendalikan sebarang peralatan telekomunikasi atau komunikasi radio.

Perniagaan dan individu adalah dikehendaki untuk mendapatkan

lesen yang berkaitan bagi penubuhan, pemasangan, penyelenggaraan, penyediaan atau operasi sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau *radio-communications system or service* melalui portal perkhidmatan dalam talian AITI's di <http://online.aiti.gov.bn>.

Orang ramai juga boleh membantu AITI dalam usaha untuk membendung sebarang aktiviti yang tidak berlesen dengan menghantar e-mel kepada info@aiti.gov.bn.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (sijil transkrip dan pengiktirafan Makluman Kelulusan Pengiktirafan Kelulusan (PSPK) yang berkesan)

4. Tandakan " " pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5. **Lengkapkan Maklumat** (taraf / pengalaman / Penguasaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENGENDALI SISTEM KANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/OCT/18	PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	03	7(A)	18 NOVEMBER 2023
2. PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/OCT/19	PEJABAT PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	38(A)	18 NOVEMBER 2023
3. BILAL TINGKAT I D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2023/OCT/20	JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	04	7(A) LUAR BIDANG	22 NOVEMBER 2023

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 34 / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekal dan Menghantar Baju (Coverall) dan Kasut (Safety Boots) Untuk Pekerja Buruh Pemotongan Rumput Di Bahagian Kemajuan Dan Pembangunan Daerah [KPD], Jabatan Daerah Tutong.

Tarikh Tutup Menghadapkan Tawaran :
Tidak lewat pada Rabu, 15 November 2023. Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga :
40 / JMM / S / 12 / 91 (2023 / 2024)

Tajuk Sebut Harga :
Painting Works to External Areas, Internal Areas and Flooring Works At Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 30 November 2023. Tidak lewat Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga :
41 / JMM / S / 12 / 91 (2023/2024)

Tajuk Sebut Harga :
Fabrication, Supply and Installation Of Cannon Display Stand At Stor Muzium Gudang Block G, Gadong, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 30 November 2023. Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Lanjutan Tarikh Tutup Tawaran

Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
K01 sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 24 Oktober 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 November 2023. Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 028 / 2023

Nama Projek :
Kontrak Penggal bagi Kerja-Kerja Operasi Tangki Air dan Sistem Telemetry di Daerah Brunei dan Muara Selama 24 Bulan.

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 16

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan dan Penghantaran Bahan Latihan Bagi Program Jangka Pendek dan Jangka Panjang Kursus ITQ Level 1 For IT User Sesi 2024 / 2025, Pusat Pembangunan Belia, Jalan Tanah Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 17

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan dan Penghantaran Peralatan Latihan Bagi Program Jangka Pendek dan Jangka Panjang Kursus ITQ Level 1 For IT User Sesi 2024 / 2025, Pusat Pembangunan Belia, Jalan Tanah Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
20 November 2023. Tidak lewat Jam 2.00 Petang.



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 163 / 23 - 24 : Term Contract Of Twenty-Four [24] Months Period For Maintenance Of Air-Conditioning System Of RTB Vehicles - Mitsubishi Pajero (V32, V34, V76 & V96) & Lancer Wagon (CB4)

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 164 / 23 - 24 : Term Contract Of Twenty-Four [24] Months Period For Maintenance Of RTB Vehicles - Mitsubishi Pajero (V32, V34, V76 & V96) & Lancer Wagon (CB4)

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :



Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / IL / 001 [JPPK / LTN / 10 / 2023] Pengubahsuaian Bangunan Markas Batalion Bantu, Tentera Darat Diraja Brunei, Penanjong Garrison

Tarikh Mula Tawaran :
6 November 2023

Kelas :
III dan Ke Atas Sahaja

Kategori :
KA01 & B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Lima (05) Bulan



Bilangan Sebut Harga :
19 / SEPTEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 23 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Serta Penghantaran Ubat-Ubatan Bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12

Salinan Kertas :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 November 2023. Jam 2.00 Petang.



BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 November 2023. Jam 2.00 Petang.



Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 21 November 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
27 November 2023. Jam 2.00 Petang.



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 16 November 2023. Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
42 / JMM / S / 12 / 91 (2023/2024)

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga
Bagi Mencetak Letterhead
Memorandum dan Minit Jabatan
Muzium-Muzium



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
30 November 2023.
Tidak lewat Jam 2.00 Petang.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 059 / 2022

Tajuk Tawaran :
Replacement Of Selective 11KV
Aerial Cable to Underground
Cable Along Jalan Labu

Harga Dokumen :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 November 2023.
Jam 2.00 Petang.

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan
Kementerian Pembangunan
dalam kelas 3, 4 atau 5 sahaja,
dalam kategori E03 dan E05 dan

mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03
dan E05.

Dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari Kaunter
Unit Tawaran dan Sebut Harga,
Tingkat Empat, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri

Perhatian :
Sila sertakan salinan Business
Names Enactment, 1958 - Section
16 & 17, sijil pendaftaran
pemborong (MOD), sijil Tabung
Amanah Pekerja, 'Tap Employer
Contribution' and 'Certificate of
Tax Compliance' semasa
menghantar dokumen ini ke
Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
39 / JMM / S / 12 / 91
(2023 / 2024) - R

Tajuk Tawaran :
Roofing Work to Office
and Store Area
At Stor Muzium Gudang
Blok G, Gadong,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat
Selasa,
21 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 02 (R) /
2023 - 2024

Tajuk Sebut Harga :
Membekalkan Jamuan
Kuih-Muih Bagi
Mesyuarat- Mesyuarat
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Selama Sebelas (11) Bulan.

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Mengambil
Borang Sebut Harga :**
Khamis,
23 November 2023.
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
23 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Pemberitahuan Tawaran
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

JPT / TAW / 07 / 2023 - 2024 :
Penyediaan Bekalan Api
Elektrik Di Kawasan
Kemajuan Pertanian (KKP)
Merangking, Fasa 2
(Yuran Tawaran : BND50.00 /
Borang Tawaran : BND15.00)

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 November 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



BIRO MENCEGAH RASUAH

1. Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 15 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :
Sebut harga Bagi Kerja-Kerja
Membaik Pulih dan
Pengubahsuaian Tingkat Dua
(Kawasan Lobi, Bilik-Bilik dan
Tandas Lelaki) Bangunan Lama
Biro Mencegah Rasuah

2. Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 16 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :
Sebut harga Bagi Kerja-Kerja
Membaik Pulih dan

Pengubahsuaian Bilik
Persidangan dan Ruang
Jamuan Tingkat Satu,
Bangunan Lama
Biro Mencegah Rasuah

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 21 November 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 42 / 2023

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Lantai Konkrit Retak dan Susur
Di Gerai Lambak Kiri,
Mukim Berakas 'A',
Negara Brunei Darussalam.

2. Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 49 / 2023

Tajuk Tawaran :



Kerja-Kerja Membaik Pulih
Sistem Pam Air Di Jabatan
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa,
21 November 2023.
Jam 2.00 Petang.

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.





JABATAN PERDANA MENTERI

Rujukan Tawaran :
JPM / PT / 4.17 / AH-IPD / 2024

Tajuk Tawaran :
Jemputan Sebut Harga Bagi Kenderaan Sewa Khusus Untuk Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja Januari 2024

SYARIKAT-syarikat (termasuk syarikat-syarikat Kereta Sewa Pandu Sendiri [KSPS]) dan orang-orang persendirian yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memegang Kad Pintar berwarna Kuning atau Penduduk Tetap yang memegang Kad Pintar berwarna Ungu adalah dipelawa untuk memberikan sebut harga bagi menyewakan kenderaan sewa untuk keperluan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja

pada Januari 2024.

Tarikh Tutup :
Tidak lewat dari Selasa,
14 November 2023.
Jam 2.00 Petang.

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Kecil
CRO Point 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 17 /
2023-2024

Keterangan :
Membekal dan Menghantar Buku-Buku Akademik Untuk Kegunaan PRA U, Bagi Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), Sesi Pembelajaran Tahun 2024, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun, 1445H - 1446H / 2023M - 2024M



Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
8 Jamadilawal 1445H /
22 November 2023M.
Tidak lewat
Jam 2.00 Petang.



**UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan
Universiti Islam Sultan
Sharif Ali**

UNISSA / SB0044 / 2023 / 2024 :
Mencetak dan Membekal Buku-Buku Terbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press 2023 Bulan September 2023

UNISSA / SB0045 / 2023 / 2024 :
Membekal dan Menghantar Buku-Buku Undang-Undang Bagi Kegunaan Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0046 / 2023 / 2024 :
Membekal dan Menghantar Bahan Guna Habis Makmal (Consumables) Bagi Kegunaan Projek Creates On-Field DNA Testing For Food and Agricultural Products (CREATESDNA-UNISSA2)

UNISSA / SB0047 / 2023 / 2024 :
Membekal dan Menghantar Buku-Buku Halal Tahun 2023 Bagi Kegunaan Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0048 / 2023 / 2024 :

Membekal dan Menghantar Barangan Alat, Peralatan dan Kelengkapan Pejabat Bagi Kegunaan Pejabat / Fakulti / Pusat / Bahagian / Unit Di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0049 / 2023 / 2024 :
Membekal dan Menghantar Buku-Buku Teknologi 2023 Bagi Kegunaan Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0050 / 2023 / 2024 :
Repair, Supply, Delivery, Installation, Testing, Configuration and Maintenance Of Closed-Circuit Television (CCTV) For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Rabu,
15 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran :
(156)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Penyewaan Mesin Penggambar Bagi Tempoh Empat (4) Tahun Bagi Dewan Mini Pusat Belia, Cawangan Daerah Belait Jalan Bunga Rambai

2. Bilangan Tawaran :
(157)JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
To Assemble Pool Table & Install New Carpet At Stadium Negara Hassanal Bolkiah

3. Bilangan Tawaran :
(158)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A



Iklan Penyewaan Kenderaan Bagi Acara APBM (Asean Postal Business Meeting) 1 (Satu) Buah Kenderaan 9 Seater (Weekly Rate) dan 1 (Satu) Buah



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
11 / SEPTEMBER / KKBS /
BKBN / 1.40 / 23 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Penyediaan, Pengendalian Serta



Bilangan Tawaran :
KK / 237 / 2023 / UPP (TC)

Keterangan :
To Supply and Deliver Medical Consumables (Arterial Cannula With Flow Switch 20g / 1.10mm X 45mm) For Medical Intensive Unit (MICU) and Surgical Intensive Care Unit (SICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND10.00

Period Of Twenty Four (24) Months For Jerudong Sports Complex

4. Bilangan Tawaran :
(159)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Supply and Install New Drain Cover For Sepak Takraw Area, Stadium Negara Hassanal Bolkiah

5. Bilangan Tawaran :
(160)JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For
1) Anggerek Desa Flat (Block C2 & C3)
2) Anggerek Desa Swimming Pool
3) Unit Kenderaan, Jabatan Belia dan Sukan
4) Youth Centre, Temburong

6. Bilangan Tawaran :
(161)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term Maintenance For A Period Of

Twenty Four (24) Months For National Swimming Pool, HBNSC

7. Bilangan Tawaran :
(162)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Repair Works to Existing Roofing At Hassanal Bolkiah National Stadium

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis,
23 November 2023.



Bus 45 Seater Selama 1 Hari Jabatan Perkhidmatan Pos

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Iklan Penyewaan Kenderaan Bagi Acara Asean Postal Business Meeting Bagi 1 (Satu) buah kenderaan 9 seater dan 1 (Satu) buah bus 45 seater adalah seperti berikut:

Keterangan Kenderaan / Jumlah :

1. Kenderaan 7 - 9 Seater - 1 Buah
2. Bus 45 Seater - 1 Buah

Tarikh Tutup :
21 November 2023
(Selasa)
Jam 2.00 Petang.



Pelaksanaan Latihan Memanah Bagi Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12

Bilangan Sebut Harga :
19 / SEPTEMBER / KKBS /
BKBN / 1.40 / 23 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Serta Penghantaran Ubat-Ubatan Bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12

Tarikh Tutup :
Khamis, 16 November 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran :
KK / 238 / 2023 / UPP

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install, Test and Commission Twenty (20) Units Of Multiparameter Patient Monitor For RIPAS Hospital

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 239 / 2023 / UPP(TC)

Keterangan :
Supply and Delivery Of Medical Items (Cardiac Implantable Electronic Device (CIED) - Supplemental) For Department Of Cardiology, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Five (5) Years.

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
14 November 2023.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

PROGRAM TINGKATKAN KESEDARAN GURU, PELAJAR MENGENAI KESIHATAN REPRODUKTIF



TUTONG, Khamis, 9 November. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, menganjurkan Bengkel Kesihatan Reproduksi bagi Guru-guru Sains Sekolah Menengah 2023

SEKITAR Bengkel Kesihatan Reproduksi bagi Guru-guru Sains Sekolah Menengah 2023 bertempat di Pusat Tingkatan Enam, Tutong (kiri dan bawah kanan).

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

bertempat di Pusat Tingkatan Enam, Tutong.

Bengkel diisikan dengan sesi taklimat bertajuk 'Remaja dan Kesihatan Reproduksi di Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Perubatan Kanan, PPK, Dr. Hajah Norol-Ehsan binti Haji Abdul Hamid.

Manakala taklimat bertajuk 'Kehamilan Remaja' disampaikan oleh Ketua Perkhidmatan Kesihatan Ibu, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Roserahaini binti Pengiran Haji Idros.

Bengkel selama dua hari berkenaan diadakan antara lain dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan guru sekolah dan pelajar mengenai kesihatan reproduktif (seksual), selain membincangkan pedagogi dan teknik pengajaran berkesan yang akan digunakan oleh guru Sains sebagai bahan pendidikan kepada pelajar, termasuk pelan pengajaran.

Selain itu, ia juga untuk menggalakkan pertukaran pandangan dan perkongsian pengalaman pengajaran dalam kalangan Guru Sains dan fasilitator mengenai kesihatan reproduktif.

Seramai 30 guru mata pelajaran Sains Tahun 8 daripada sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyertai bengkel berkenaan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang pelbagai dan kolaboratif.

Pada 2016, maklumat mengenai hubungan seksual dan kehamilan remaja diintegrasikan dalam kurikulum Sains bagi sekolah menengah, dengan inisiatif untuk melengkapkan guru Sains dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam menyampaikan maklumat penting kepada pelajar.

Sebagai sebuah Negara Zikir, isu-isu kesihatan reproduktif (seksual) dalam kalangan remaja masih menjadi kebimbangan besar. Remaja sekarang perlu menghadapi pelbagai cabaran semasa era digital ini. Di antara kesan era digital ialah peningkatan risiko perilaku remaja terhadap kesihatan reproduktif dan keseluruhan kesihatan mereka.

PPK telah mengemas kini kandungan mengenai kesihatan reproduktif dan menghasilkan tiga video animasi yang memberi tumpuan kepada jangkitan hubungan seksual, kehamilan remaja, dan menahan diri.

Video-video berkenaan diterapkan ke dalam sukatan mata pelajaran Sains bagi pelajar Tahun 8 bagi memberikan maklumat yang lebih komprehensif kepada guru dan pelajar.

Bengkel seumpamanya mencerminkan komitmen Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan KHEU, untuk mengatasi cabaran yang berkembang berkaitan dengan kesihatan reproduktif remaja dalam era digital.

Inisiatif berkenaan diharap dapat memupuk generasi yang lebih sihat dan berpengetahuan.



PPDB adakan Latihan Menembak 11 November

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Menembak pada Sabtu, 11 November 2023, bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338 Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan kerana latihan berkenaan akan menggunakan peluru hidup bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

DARI MAHKAMAH

Tidak serik masuk penjara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Seorang lelaki tempatan, 42 tahun yang mempunyai jenayah lampau, sekali lagi dipenjarakan selama 15 bulan bermula 4 November 2023 oleh Mahkamah Perantaraan atas kesalahan mencuri.

Tertuduh, Rezo bin Saidi mengaku bersalah di hadapan Majistret Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni atas pertuduhan mencuri barang Pejabat DSRS Sdn. Bhd.

Mengikut fakta kes, pada Oktober 2023, tertuduh telah pergi ke DSRS Sdn. Bhd. untuk membaiki pintu dapur yang rosak,

namun tertuduh berniat untuk mencuri.

Tertuduh telah mencuri satu set *desktop* dan satu mesin pencetak di Pejabat Setiausaha Pertama dan membawa barang-barang tersebut terus ke dalam kereta tertuduh.

Kemudian di Pejabat Setiausaha Kedua, tertuduh juga mengambil barang yang sama iaitu satu set *desktop* dan satu mesin pencetak dan kemudiannya disimpan ke dalam kereta.

Selepas itu, tertuduh pergi semula ke dapur pejabat tersebut untuk membaiki pintu dapur yang rosak. Selepas dia selesai

membetulkan pintu tersebut, tertuduh kemudiannya meninggalkan pejabat tersebut dan terus pulang ke rumah dengan barang-barang yang dicuri.

Pada 1 November 2023 kira-kira jam 9.50 pagi 'Pengadu' telah pergi ke Pejabat DSRS Sdn. Bhd. dan dimaklumkan oleh salah seorang pekerja bahawa *desktop* yang terletak di pejabatnya telah hilang.

Semasa siasatan polis, tertuduh mengaku melakukan kesalahan yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan.

Siasatan polis juga membawa kepada penemuan semula barangan curi berikut iaitu satu pencetak Canon G3000 dengan wayarnya; satu pencetak Canon G3020 dengan wayarnya; dua monitor Dell; empat pembesar suara Dell dengan wayarnya; satu papan kekunci Lenovo; satu papan kekunci Dell dengan wayarnya; satu CPU HP dengan wayarnya; satu CPU Dell dengan wayarnya; satu tetikus HP dengan wayarnya; dan satu tetikus tidak berjenama.

Dalam rekod, Defendan mempunyai beberapa sabitan terdahulu berhubung kesalahan terhadap harta pada tahun 2019.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Musawwir bin Haji Awang Mahli.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Semarak Perpaduan Melalui Makanan' Tarikh Tutup : 15 November 2023
2. 'Pantau Kualiti, Keselamatan Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 22 November 2023
3. 'Pertahankan Sejarah Warisan Negara'. Tarikh Tutup : 29 November 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN, PEMULIHAN TANAH GAMBUT



BENGKEL berkenaan yang dihadiri oleh agensi-agensi berkepentingan di dalam bidang pengurusan hutan paya gambut (atas). Manakala gambar bawah kanan, para peserta juga dibawa ke kawasan hutan paya gambut, Jalan Badas, Daerah Belait, untuk melawat tapak projek pemulihan hutan Jabatan Perhutanan dan membuat aktiviti penanaman sebanyak 40 pohon anak pokok di dalam kawasan hutan paya gambut berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perhutanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) SUPA Component 1 (SUPA C1) menganjurkan bengkel serantau bertajuk 'Introducing Peatland Ecosystems and Sustainable Management for Southern ASEAN Member States' selama tiga hari bermula Selasa, 7 November 2023 sehingga Khamis, 9 November 2023 bertempat di Centrepoint Hotel, Gadong.

Berucap semasa pembukaan bengkel berkenaan, Pemangku Timbalan Pengarah Perhutanan, Jabatan Perhutanan, KSSUP, Awang Haji Ryni Sofian bin Haji Othman.

Seramai 41 peserta menyertai bengkel berkenaan yang dihadiri oleh agensi-agensi berkepentingan

di dalam bidang pengurusan hutan paya gambut, iaitu wakil-wakil daripada Jabatan Perhutanan; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; Jabatan Perancang Bandar dan Desa; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Teknologi Brunei (UTB); dan Sekretariat Perubahan Iklim Brunei Darussalam (Brunei Climate Change Secretariat, BCCS).

Bengkel berkenaan turut dihadiri oleh perwakilan daripada negara-negara di rantau selatan ASEAN termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Bengkel berkenaan adalah bertujuan untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan kapasiti Negara-negara Ahli ASEAN dalam pengurusan dan pemulihan tanah gambut secara mampan serta membincangkan inisiatif-inisiatif mitigasi isu-isu jerebu di rantau ini.

Antara tajuk-tajuk utama yang

dikongsikan semasa bengkel berkenaan termasuk 'Peatland Policy and Governance', 'Water Management in Peatland', 'Peatland and Climate Change' dan 'Promoting Inclusive and Sustainable Peatland Management'.

Selain sesi pembentangan dan perbincangan, para peserta juga dibawa ke kawasan hutan paya gambut, Jalan Badas, Daerah Belait, untuk melawat tapak projek pemulihan hutan Jabatan Perhutanan dan membuat aktiviti penanaman sebanyak 40 pohon anak pokok di dalam kawasan hutan paya gambut berkenaan.

Maklumat lanjut mengenai Bengkel Introducing Peatland Ecosystems and Sustainable Management for Southern ASEAN Member States bolehlah diperoleh melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perhutanan di <https://www.forestry.gov.bn> dan media sosial instagram @forestry.brunei.



Kongsi pengetahuan mengenai kesihatan buah pinggang

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

RIMBA, Rabu, 8 November. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan sesi terakhir Forum Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU) dan ini merupakan acara kesinambungan daripada Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2023.



JERAYAWARA Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua yang diadakan di Auditorium Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba.

Acara yang berlangsung di Auditorium Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba itu dihadiri oleh seramai 200 pegawai dan kakitangan dari KHEU.

Dalam ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Perkhidmatan Renal, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Ibrahim menjelaskan bahawa penyakit buah pinggang ialah penyakit yang tidak berjangkit yang dihadapi oleh sebilangan besar penduduk di seluruh dunia.

Pada tahun 2022 sahaja, jelasnya, jumlah pesakit buah pinggang pada peringkat akhir di Negara Brunei Darussalam meningkat dengan sangat ketara iaitu seramai 913 orang yang mana seramai 211 pesakit buah pinggang adalah kes baharu.

"Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam sentiasa komited dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit buah pinggang," tambah beliau.



KEMENTERIAN Kesihatan semasa mengadakan sesi terakhir Forum Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama Terlatih, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Khairunissa bin Haji Zainin.

Forum Kesihatan telah disampaikan oleh tiga ahli panel iaitu Pakar Bersekutu, Jabatan Renal, Dr. Jayakrishan K. Pisharam, pesakit renal,

Dayang Norinah binti Duraman dan Jururawat Renal, Dayang Maswinda Sari binti Haji Zainal.

Adapun tujuan taklimat dan jerayawara ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang serta masalah yang berkaitan dengannya.



Pentingnya kesedaran kesihatan lelaki

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

KAUM lelaki merupakan tulang dalam masyarakat dan keluarga. Merekalah lazim yang menggalas tanggungjawab yang dominan dalam apa jua masalah seperti menjadi ketua dalam masyarakat bahkan juga keluarga. Oleh itu, masyarakat dan individu itu mestilah menitikberatkan tentang isu kesihatan dan tidak sambil lewa tentang masalah kesihatan yang dihadapi.

Pusat Kanser Brunei (TBCC) telah melancarkan Kempen Kesedaran Kesihatan Lelaki Movember pada 1 November 2023 dengan menganjurkan forum awam yang memberi tumpuan kepada pengukuhan kesihatan lelaki melalui pendekatan holistik. Ia bertujuan untuk menjadi platform untuk memupuk kesedaran, pengetahuan dan dialog terbuka mengenai pelbagai aspek kesejahteraan fizikal, mental dan emosi lelaki. Movember menggunakan *moustache* sebagai simbol panduan pergerakan.

Movember (gabungan perkataan *moustache* / misai dan bulan November) yang diraikan pada bulan November adalah sebagai sokongan kepada golongan bapa, abang, anak lelaki dan rakan lelaki untuk meningkatkan kesedaran tentang kanser prostat, kanser testikal dan kesihatan mental dalam kalangan kaum lelaki. Badan amal / NGO ini telah ditubuhkan pada tahun 2003 di Australia oleh sekumpulan rakan.

Bersempena dengan Kempen Movember

ini, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) komited dalam meningkatkan kesedaran kepada masyarakat umum khususnya lelaki untuk menjaga kesihatan fizikal dan mental mereka sendiri melalui pendekatan holistik.

Movember ialah inisiatif kesihatan lelaki di seluruh dunia yang didedikasikan untuk mengurangkan isu kritikal yang berkaitan dengan kanser prostat, kanser testis, kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan lelaki.

Satu daripada empat lelaki di Negara Brunei Darussalam (NBD) berisiko menghidap kanser sepanjang hayat mereka. Kes kanser dijangkakan meningkat 108 peratus dari 2020 hingga 2040 berbanding peningkatan 22.8 peratus dari 2010 hingga 2019.

Peningkatan yang mendadak itu boleh dikaitkan dengan pertumbuhan jumlah penduduk, peningkatan jangka hayat, populasi yang semakin tua, perubahan gaya hidup (obesiti, merokok, alkohol dan diet barat) dan pemeriksaan intervensi diagnostik yang lebih baik. Lebih membimbangkan ialah peningkatan kematian berkaitan kanser daripada 160 peratus pada tahun 2020 (434 kes) kepada 2040 (1,123 kes). Lelaki menyumbang 54 peratus (236 daripada 434) daripada semua kematian akibat kanser pada tahun 2020.

Kanser yang biasa dihadapi lelaki di NBD adalah kanser kolorektal, paru-paru, prostat, hati dan perut. Selain itu kanser khusus dihadapi lelaki ialah kanser testis dan penile,

serta kanser yang jarang berlaku iaitu kanser payudara lelaki. Pada tahun 2021, 278 dari 682 kes baharu kanser terdiri daripada lelaki, manakala 236 daripada 434 kes kematian berkaitan kanser adalah lelaki.

Satu daripada 27 lelaki di NBD berisiko mendapat kanser prostat dan ia menyumbang satu peratus daripada jumlah kematian. Kanser prostat menyumbang 40 daripada 448 (8.9 peratus) kanser lelaki baharu yang didiagnosis pada 2021. Ia adalah kanser lelaki ketiga paling biasa didapati selepas kanser kolorektal (20.3 peratus) dan kanser paru-paru (15.2 peratus).

Lelaki berumur 50 tahun ke atas disaran untuk membuat penilaian faktor risiko dan gejala serta membuat pemeriksaan dengan doktor untuk saringan Prostate Specific Antigen (PSA).

Selain itu dinasihatkan untuk mengekalkan berat badan normal, bersenam secara teratur, lebihkan diet berasaskan tumbuhan, mengelakkan alkohol dan merokok dalam apa jua bentuk.

Kanser testis pula sering didapati dalam kumpulan umur 15 hingga 40 tahun namun lelaki yang lebih tua juga berpotensi mendapat varian kanser testikal yang berbeza. Kanser testikal menyumbang 1.4 peratus daripada semua kanser lelaki.

Manakala kanser penile menyumbang kurang daripada satu peratus daripada kanser lelaki. Sebanyak tiga kes telah dilihat di NBD pada tahun 2020-2021. Kanser penile dikaitkan dengan HPV, tidak berkhatan, kurang menjaga kebersihan dan merokok.

Rawatan lazimnya melibatkan penektomi, radiasi dan kemoterapi.

Kanser kolorektal dan kanser paru-paru merupakan dua jenis kanser lain yang juga biasa didapati dan mempunyai perkaitan tinggi dengan faktor risiko yang boleh diubah suai seperti merokok dan obesiti.

Merokok (30 hingga 40 peratus) dan obesiti (40 peratus) adalah dua risiko yang paling penting yang boleh dikaitkan dengan kebanyakan kanser. Satu daripada lima perokok aktif di NBD adalah lelaki terdiri daripada 36 peratus. Pengurangan ke atas dua faktor risiko tersebut boleh membantu mencegahnya. Hampir 14 peratus rakyat NBD mengalami obesiti menunjukkan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif adalah penting. Kebolehcapaian vaksin HPV untuk kumpulan berisiko tinggi; memberi pendidikan tentang amalan seks selamat; mengamalkan penjagaan kebersihan yang betul; dan mengetahui tanda-tanda dan gejala kanser lelaki adalah antara usaha untuk mencegah kanser.

Kaum keluarga atau orang yang rapat hendaklah beri dorongan kepada seseorang lelaki itu jika beliau jenis yang kurang cenderung untuk berjumpa dengan doktor. Janganlah bertindak untuk menunggu pada tempoh waktu yang lebih lama sebelum masalah kesihatan dirawat. Kesihatan kaum lelaki juga patut diberikan perhatian.

Adalah diharap Kempen Movember ini mampu memulakan perbincangan mengenai isu kesihatan lelaki serta menyuarakan sebarang pandangan mereka mengenai isu berkenaan.



KEPUTUSAN PENGAMBILAN HECAS 2023 (PUSINGAN KEDUA) IPTA DIKELUARKAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Pengumuman bagi keputusan Pengambilan HECAS 2023 (Pusingan Kedua) untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB) bagi Tahun Akademik 2023 / 2024 telah dikeluarkan hari ini.

Pemohon-pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS iaitu <https://hecas.moe.gov.bn>.

Pemohon yang berjaya akan menerima Surat Tawaran yang dikeluarkan oleh IPTA yang berkenaan.

Pengesahan bagi penerimaan tawaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya Jumaat, 24 November 2023 sebelum 4.00 petang.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, pemohon hendaklah mengambil perhatian

mengenai perkara-perkara berikut, iaitu pemohon akan diberikan tiga hari waktu bekerja selepas pengumuman bagi keputusan Pengambilan HECAS 2023 (Pusingan Kedua) untuk menghadapkan rayuan.

Hari terakhir untuk menghadapkan Surat Rayuan dan dokumen yang berkenaan adalah pada Selasa, 14 November 2023 sebelum 4.00 petang; dan pemohon yang berhasrat untuk membuat rayuan adalah disarankan untuk memohon ke program yang berlainan daripada yang pernah dipohonkan pada bulan Ogos 2023 yang lalu.

Surat Rayuan dan dokumen yang berkenaan bolehlah dihadapkan ke institusi-institusi yang berkenaan sama ada *hardcopy* atau *softcopy*.

Bagi UBD dihadapkan secara *softcopy* melalui e-mel sahaja dan hendaklah ditujukan ke alamat office.admission@ubd.edu.bn, di bawah Tajuk 'APPEAL HECAS 2023 (2nd Round)' Pendaftar dan Setiausaha [U.P.: Penolong Pendaftar Kemasukan dan Rekod Pelajar]

UBD.


Sementara itu, untuk UNISSA pula, dihadapkan secara *hardcopy* atau *softcopy* melalui e-mel oam@siswa.unissa.edu.bn di bawah Tajuk 'APPEAL HECAS 2023 (2nd Round)', kepada Pejabat Pengurusan Akademik UNISSA Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Gadong, Bandar Seri Begawan BE1310 Negara Brunei Darussalam, talian +673 2462000 atau +673 7376997.

Manakala bagi PB pula, pemohon hendaklah mengisi borang secara dalam talian dengan lengkap melalui pautan [PB2024AppealForm](#) atau dengan mengimbas Kod QR.

Pemohon hanya perlu melengkapkan Borang Rayuan secara dalam talian yang telah disediakan.

Sebarang penghantaran surat rayuan secara *hardcopy* atau *softcopy* adalah tidak diperlukan dan tidak akan dilayan.

Bagi sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus melalui nombor telefon +673 7335984 (semasa waktu bekerja sahaja) atau melalui e-mel admission.appeal@pb.edu.bn.

Jualan *thrift*, *preloved* membantu mengurangkan pembaziran

Oleh : Nurul Rasyidah
Mohamad Rosland
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif,
Bahagian Pelita Brunei

PERKEMBANGAN fesyen pakaian saat ini bergerak sangat cepat. Pakaian menjadi keperluan yang boleh mengubah penampilan seseorang. Akhir-akhir ini, trend membeli pakaian terpakai semakin mendapat perhatian dalam kalangan golongan muda terutama para penggemar fesyen dan ia dikenali sebagai *thrift* dan *preloved*. Kedua-dua perkataan ini sering didengar dan dianggap sama. Sebaliknya, walaupun kedua-duanya dikenal pasti dengan produk terpakai, terdapat perbezaan antara *thrift* dan *preloved*.

Makna perkataan *thrift* adalah sinonim dengan barang terpakai atau *secondhand*. Biasanya, barang *thrift* ini berasal dari luar negara. Kualiti dan harga yang dijual sangat berbeza dengan produk yang asli. *Thrift* juga bermaksud berjual cermat. Istilah ini kemudian digunakan sebagai salah satu aktiviti membeli barang yang lebih murah kerana barang tersebut merupakan barang yang sudah dipakai atau *rejected item* daripada jenama ternama di luar negara. Sementara itu, *preloved* pula merupakan menjual semula barang atau pakaian terpakai daripada koleksi peribadi seseorang itu dengan harga yang rendah. Biasanya, ia dijual dalam keadaan yang masih baik dan boleh digunakan. Ia hanya digunakan beberapa kali atau tidak digunakan sama sekali tetapi pemiliknya tidak lagi memerlukannya. *Preloved* secara amnya memfokuskan kepada barangan fesyen seperti pakaian, kasut dan aksesori. Manakala *thrift* merangkumi lebih daripada itu seperti buku, barangan rumah, mainan



dan lain-lain lagi.

Pada masa kini, semakin ramai orang memilih *thrift* dan *preloved* sebagai alternatif untuk membeli-belah secara berhemat. Walaupun *thrift* dan *preloved* adalah kedua-dua barangan terpakai, *preloved* menawarkan kualiti dan keadaan barangan yang lebih baik berbanding *thrift*. Terdapat banyak faedah yang boleh kita peroleh seperti harga yang berpatutan. Harga pakaian yang dijual secara *thrift* dan *preloved* ini biasanya jauh lebih murah daripada harga produk yang baharu. Hadirnya jualan *thrift* dan *preloved* ini dapat membantu kita mengurangkan

barang-barang yang ada di rumah serta mengelakkan daripada pembaziran.

Generasi muda hari ini yang lebih cenderung mengumpul pakaian dan membuangnya jika tidak mahu memakainya lagi walaupun kualiti pakaian itu masih baharu. Salah satu penyelesaian untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menghantar pakaian terpakai itu dan menjualnya secara *thrift* dan *preloved* untuk meraih pendapatan tambahan.

Bukan itu sahaja, terdapat barang daripada *thrift* dan *preloved* ini adalah produk yang berjenama dan edisi terhad (*limited edition*). Jadi, pembeli boleh

mendapatkan produk ini dengan harga yang jauh lebih rendah berbanding membeli yang baharu. Oleh itu, semakin penting untuk mengetahui perbezaan antara *thrift* dan *preloved*. Dengan mengetahui perbezaan ini, kita boleh membuat keputusan yang lebih bijak dalam membeli barangan terpakai mengikut keperluan dan bajet kita.

Secara kesimpulan, trend membeli pakaian terpakai telah lama wujud. Jika dahulu orang membeli pakaian terpakai kerana kurang mampu untuk membeli pakaian baharu. Kini, membeli pakaian terpakai dianggap normal dan seseorang masih boleh kelihatan bergaya dengan membeli barang berkualiti tinggi yang dijual dengan harga rendah dan ini telah melatih budaya hidup berjimat cermat di antara masyarakat.

OPERASI BERSAMA TEMUKAN BARANG TEGAHAN



HASIL siasatan lanjut dan pengiraan mendapati barang-barang tegahan, iaitu lapar karon rokok (atas dan kanan).

TEMBURONG, Khamis, 9 November. — Dalam rondaan Operasi Bersama antara Pasukan Simpanan Polis 'C' Kompeni (RUC), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menjumpai barang tegahan yang disimpan di dalam bungkus plastik berwarna hitam di kawasan laluan Tanah Perkuburan Murut, Kampung Menengah, Temburong.

Hasil siasatan lanjut dan pengiraan mendapati barang-barang tegahan, iaitu lapar karon rokok.

Kesemua barang berkenaan diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi siasatan dan tindakan selanjutnya.

PPDB menyeru orang ramai agar



sebarang maklumat mengenai apa juga kegiatan jenayah segera disalurkan dan dikongsikan ke

PPDB melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

PPDB berjaya merampas rokok, minuman keras

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. - Balai Polis Kampong Ayer, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menerima laporan daripada seorang penjawat awam yang prihatin mengenai penemuan barang tegahan di kawasan Kampung Saba Tengah.

Hasil daripada laporan tersebut, anggota Balai Polis Kampong Ayer telah menemui barang-barang tegahan yang telah ditinggalkan di

sebuah bangunan kerajaan. Setelah pemeriksaan, didapati 50 karon rokok dan minuman keras sebanyak 216 tin dan 15 botol.

Kesemua barang tegahan dirampas dan diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi siasatan dan tindakan selanjutnya.

PPDB ingin menyeru orang ramai bagi menyalurkan sebarang maklumat mengenai apa jua kegiatan jenayah kepada PPDB

melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan. PPDB juga mengucapkan terima kasih kewaspadaan dan kerjasama warganegara tersebut.

HASIL daripada laporan tersebut, anggota Balai Polis Kampong Ayer telah menemui barang-barang tegahan yang telah ditinggalkan di sebuah bangunan kerajaan.



مقركنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

BINCANG HALA TUJU, KEMAJUAN, PERGERAKAN PENGAKAP



DELEGASI Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali telah menghadiri Persidangan ASEAN Scout Association Regional Cooperation (ASARC) (atas), manakala gambar kiri, suasana Pesidangan ASARC.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

PENANG, Jumaat, 10 November. - Delegasi Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali telah menghadiri Persidangan ASEAN Scout Association Regional Cooperation (ASARC), baru-baru ini.

Mesyuarat itu telah berlangsung di salah sebuah hotel di Pulau Pinang yang bertujuan membincangkan hala tuju dan beberapa perkara yang berkaitan bagi kemajuan dan kelangsungan pergerakan pengakap pada peringkat ASEAN.

Hadir bagi merasmikan mesyuarat itu ialah Ahli Majlis Pengakap Negara Persekutuan Pengakap Malaysia, Tan Sri Dato' Johari bin Abdul.

Turut sama mewakili delegasi

PPNBD ke mesyuarat tersebut ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya dan Pesuruhjaya Antarabangsa. Semasa mesyuarat, pihak PPNBD telah memberikan laporan kegiatan serta turut mempromosikan penyertaan negara-negara ASEAN ke Jambori Nasional Brunei Darussalam Ke-5 yang dijadualkan akan diadakan pada 2 hingga 7 Disember nanti.

ASARC dihasratkan dan dirumuskan daripada semangat ASEAN, seperti yang dinyatakan dalam piagam ASEAN, ASARC memegang integriti dan kebijaksanaan ASEAN dalam meningkatkan persahabatan, persaudaraan dan memupuk kerjasama dalam kalangan persatuan-persatuan pengakap di negara ASEAN.

Untuk mencapai hasil ini, mesti

ada upaya bersepadu dalam kalangan negara anggota untuk memastikan bahawa terdapat aktiviti yang sesuai dan penyertaan maksimum pada setiap peringkat yang dapat difikirkan.

Penubuhan ASARC bermatlamat untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama bersama, persaudaraan dan perpaduan untuk ASEAN dengan bekerjasama rapat antara satu sama lain dalam menyelaraskan usaha dan program untuk faedah rakyat terutama dalam kalangan belia, mengukuhkan kerjasama antara negara-negara ASEAN berdasarkan prinsip pengakap dan piagam ASEAN, untuk membantu pembangunan dan promosi pengakap di negara-negara ASEAN serta untuk menangani isu-isu pengakap yang berkaitan apabila dan keperluan yang timbul.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Keputusan Tawaran Tertutup TPK siri BBF diumumkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tawaran Tertutup Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) bagi siri BBF melalui '1-Week Bid' akan diumumkan melalui laman sesawang JPD di www.jpd.gov.bn dan juga www.nomborku.gov.bn pada Khamis, 9 November 2023.

Menurut siaran akhbar JPD, semua penender yang telah mengikuti Tawaran Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pengangkutan Darat

tersebut melalui e-mel yang telah didaftarkan bersama pihak jabatan ini.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat pendaftaran kenderaan iaitu, penender yang berjaya adalah dikehendaki menjelaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK di atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan.

Jika penender gagal untuk melunaskan pembayaran dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan, tawaran TPK penender adalah dibatalkan.

Permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Tawaran Berjaya dikeluarkan.

Setelah pembayaran berjaya dibuat, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, Penahanan TPK bolehlah dibuat dengan jumlah bayaran Penahanan sebanyak BND20 bagi tempoh setiap satu tahun Penahanan.

Tempoh minima bagi Penahanan

TPK adalah satu tahun dan maksima 10 tahun mengikut jangka masa yang dipilih bagi setiap TPK.

Pembayaran TPK berjaya dan Penahanan TPK boleh dilaksanakan melalui dalam talian atau di mana-mana kaunter cawangan JPD.

Jika penender ingin menyerahkan TPK berkenaan, persyaratan perkhidmatan serah adalah, penender dikehendaki membuat bayaran perkhidmatan serah berjumlah BND5; TPK hanya boleh diserahkan selepas tempoh 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya; dan TPK boleh diserahkan kurang daripada 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya dengan syarat TPK berkenaan telah digunakan (didaftarkan) atas nama pemilik TPK; dan penender yang gagal untuk membayar harga tawaran TPK yang ditawarkan akan disenaraihitamkan dari menyertai tawaran tertutup bagi tempoh satu tahun dan TPK berkenaan akan ditawarkan semula.

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada penender-penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.



Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau melalui e-mel

info_ltd@jpd.gov.bn.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn) bagi maklumat lanjut.



bit.ly/Nomborku-result

LST TAIB Terbuka 2023 bakal lahirkan atlet berprestasi



Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Arkib Jabatan Penerangan



PERSATUAN Sepak Takraw Brunei Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) melangkah setapak ke hadapan dengan mencipta era baharu dalam memperkenalkan bagi penganjuran Liga Super Sepak Takraw.

Penganjuran liga tersebut merupakan kerjasama PESTABARU dengan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan Tabung Amanah Islam

Brunei (TAIB) selaku penaja utama kejohanan.

Liga yang diberi nama Liga Super Sepak Takraw Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Terbuka (LST) 2023 tersebut telah membuka tirainya pada 15 Oktober lalu dengan perasmianya disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sebanyak 20 pasukan telah mengadu nasib bagi merebut gelaran kejuaraan buat julung kalinya yang terdiri daripada Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) 'A'; MS PDB 'B'; MS PDB 'C'; Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) 'A'.

Juga menyertai ialah Pasukan MS ABDB 'B'; MS ABDB 'C'; Brunei Legend 'A'; Brunei Legend 'B'; Skim Tutong; Kamser; Belait Warriors 'A'; Belait Warriors 'B'; Sri Junjongan; Muara Spurs; Miharbi; Sengkunong Tagap; Semada ST Temburong; Brunei 88 'A'; Brunei 88 'B'; dan Permata Hijau 21.

Usaha yang dilakukan oleh PESTABARU ini merupakan salah satu ikhtiar mereka ke arah melahirkan lebih ramai lagi pemain-pemain muda berbakat dalam sukan berkenaan selain untuk mempopularkan sukan tersebut khususnya dalam kalangan para belia di negara ini.

Pengenalan LST ini diharap akan

dapat memberikan kesan yang baik bukan sahaja kepada landskap Sepak Takraw kebangsaan yang akhir-akhir ini mempamerkan aksi yang kurang menyerlah terutama dalam beberapa tahun kebelakangan sama ada dalam kancas perlawanan serantau mahupun antarabangsa.

Justeru, liga ini dilihat amat penting sebagai landasan pendedahan berterusan kepada pemain dan adalah menjadi harapan agar setiap pertandingan yang dikendalikan akan bertambah baik kualitinya daripada semua aspek.

Jika melihat kepada perkembangan semasa dari negara-negara jiran seperti Malaysia, apatah lagi Thailand yang merupakan juara Asia, mereka ini telah lama merangkai liga masing-masing di negara sendiri dan yang pastinya telah menghasilkan ramai pemain yang baik lagi berbakat sekali gus meningkatkan kualiti permainan yang sukar dicabar dan hasilnya telah mengharumkan nama negara sama ada di peringkat serantau mahupun dunia.

Justeru, bagi mengendalikan sesuatu liga itu, ia bukanlah perkara yang mudah kerana ia memerlukan komitmen dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti penaja khususnya untuk mendanai kejohanan yang pasti memerlukan peruntukkan yang banyak.

Terdahulu, bagi persediaan jawatankuasa ke arah mengendalikan liga sulung tersebut seramai 17 peserta telah

mengikuti Refresher's Course bagi Pegawai Teknikal dengan pemudah caranya disampaikan oleh Setiausaha PESTABARU, Awang Ramlan bin Haji Mohd Said.

Juara LST bakal menerima hadiah wang tunai sebanyak BND5,000, pingat serta Piala Pusingan sementara naib juara akan menerima wang tunai sebanyak BND3,000 berserta pingat dan tempat ketiga bersama akan menerima wang tunai sebanyak BND1,000 dan pingat.

Pada perlawanan pertama LST, pasukan MS PDB 'B' telah berjaya menjinakkan pasukan MS ABDB 'A' dengan kiraan 2 - 1.

Perlawanan LST selanjutnya telah diadakan pada setiap Ahad, di Kompleks Sukan Sungai Kebun dan perlawanan akhir dan seterusnya majlis penutup bakal berlangsung pada Ahad, 19 November 2023 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Semoga dengan penganjuran LST TAIB Terbuka 2023 bakal merubah corak sukan Sepak Takraw di negara ini selain dapat membantu PESTABARU untuk membentuk sebuah pasukan yang mantap lagi disegani iaitu dengan sokongan dan kerja keras daripada semua pihak terbabit.

Dengan kejayaan penganjuran yang pertama ini diharap akan muncul lebih banyak lagi pasukan-pasukan yang akan mewarnai liga tersebut di masa hadapan dan seterusnya lebih kompetitif dan sengit yang pastinya akan meningkatkan lagi tahap profesionalisme dalam sukan ini.





DAYANG BASMA LACKHAR DIBERI PENGHARGAAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. – Sekolah Sukan memberikan penghormatan kepada pelajar alumnya Dayang Basma Lackhar dengan perasmian Basma Drive yang terletak di Sekolah Sukan atas kejayaannya dari segi akademik dan

juga dalam bidang sukan.

Hadir selaku jemputan khas pada Majlis Penghargaan 'Basma at The 19th Asian Games' yang bertempat di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan Berakas, di sini ialah Pegawai Kluster dari

Kementerian Pendidikan, Dayang Jessica Tan Goon Sim dan Pengurus Am Fitness Zone Brunei Darussalam, Pengiran Farhana binti Pengiran Haji Bujang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Sekolah Sukan, Muhd Hadi Hamizan bin Abd. Rahman.

Sejurus tayangan video yang memaparkan kejayaan pingat perak pada Sukan Asia Ke-19 Huangzhou, Dayang Basma Lackhar dalam sesi wawancara antara lain melahirkan harapan para pelajar mencapai kejayaan masing-masing selain mementingkan kesihatan diri baik dari segi fizikal dan mental.

Dayang Basma Lackhar sempat menceritakan mengenai penglibatannya dalam sukan Wushu semasa di bangku Sekolah Chung Hwa dan dari situ minatnya mula mendalam sejak menjalani latihan

berterusan bersama Jurulatih Wushu.

Sasaran selanjutnya tambahnya, adalah untuk memberikan latihan dan persediaan bagi Kejohanan Wushu Dunia dan berharap agar segala usaha yang dilakukan mendapat hasil kejayaan yang diharapkan.

Selain Dayang Basma Lackhar, enam pelajar lain mendapat penghargaan Fitness Zone Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pengurus Am Fitness Zone Brunei Darussalam.

Dayang Basma Lackhar merupakan pelajar Sekolah Sukan bermula dari tahun 2016 hingga 2019. Beliau merupakan pelajar pertama menerima Skim Biasiswa Khas dalam bidang sukan.

Beliau telah mencapai beberapa kecemerlangan antaranya memenangi satu pingat perak pada Sukan Asia Tenggara (SEA) di Kuala Lumpur pada tahun 2017; dua pingat emas dalam Kejohanan Wushu Tradisional ASIAN Ke-11 pada 2018; satu pingat perak dan satu pingat gangsa pada SEA di Manila pada tahun 2019; satu pingat emas dalam Kejohanan Sukan Dunia di Birmingham, USA pada tahun 2022; satu pingat perak dalam Kejohanan Sukan Universiti Dunia di China, tahun 2023; satu pingat gangsa pada Sukan SEA di Kemboja, tahun 2023 dan satu pingat perak pada Sukan Asia Ke-19 Huangzhou, China tahun 2023.

DAYANG Basma Lackhar semasa menerima sijil penghargaan pada Majlis Penghargaan 'Basma at The 19th Asian Games' di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan Berakas.



Awang Sallehuddin juara Beyblade X King of Ball

Siaran Akhbar dan Foto :
DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. – Awang Sallehuddin bin Sabli daripada Pasukan Ghostbeys muncul juara dalam Pertandingan Beyblade X King of Ball anjuran JB Tour yang diadakan Teratak DBos, Kampung Mengkubau sekali gus berjaya membawa

pulang hadiah utama Matrix Android TV, baru-baru ini.

Sementara itu, Muhammad Syafiq@Rafiq bin Abd. Hamid daripada Pasukan Ghostbeys merangkul tempat kedua, manakala tempat ketiga disandang oleh Julkarnain bin Haji Husin daripada Pasukan Santai

Aja Bladerz dan tempat keempat disandang oleh Mohammad Aqmal bin Haji Matsah daripada Pasukan Beyblade Madness.

Pemenang bagi Top 8 pula disandang oleh UG Massuny, GB Biqah, GB Haji Rosaimi dan SA Julkarnain.

Hadiah sagu hati Top 16 dimenangi oleh Gb Zarul, GB Sallehudin, UG Norhayati, UG

Junaidi, JB Eron, GB Haji Rosaimi dan GB Ehsan.

Dalam perebutan Liga Beyblade Brunei Darussalam bagi Tahun 2023/2024 Pasukan Jakusha Bladers Ketika ini berjaya melebarkan jurang mata dengan berjaya memperoleh 83 mata, diikuti Pasukan Underground Beys dengan 55 mata, Pasukan Santai Aja Bladerz mengutip 46 mata manakala Pasukan Ghostbeys

memperoleh 38 mata dan Beyblade Madness dengan tujuh mata.

Pertandingan Xtreme Gear Sport ini telah pun berjaya menarik minat penggemar Beyblade di negara ini sekali gus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua peringkat umur di mana sukan ini dapat mengeratkan silaturahim antara pemain-pemain Beyblade.



SESI bergambar ramai semasa Pertandingan Beyblade X King of Ball anjuran JB Tour yang diadakan Teratak DBos, Kampung Mengkubau.

Tahukah Awda

PENGLIBATAN Ahli Bomba Wanita bermula pada tahun 1987 yang mana pengambilan skuad pertama seramai 45 orang Ahli Bomba Wanita Pelatih. Mereka ini diberikan Kursus Asas Ahli Bomba Pelatih selama 24 minggu di Pusat Latihan Jabatan Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Lama Berakas. Pada 1997, jabatan ini sekali lagi mengorak langkah ke hadapan dengan pertama kalinya membuat pengambilan terus *direct entry* bagi Pegawai Bomba Wanita dari berbagai disiplin.

SUMBER : Sambutan Jubli Emas Jabatan Bomba dan Penyelamat 1960 - 2010.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERHATI-HATI, JAGA DIRI KITA DARIPADA PERBUATAN MENABUR FITNAH